

2895

ANALISA SEJARAH JENAYAH POLITIK KEMERDEKAAN

Oleh:
MEGAT TERAWIS

Pelukis:
MEGAT ZAINUDDIN



**TEGUH CIPTA
1987
IPOH**

TEGUH CIPTA

No. 5, Jalan Persiaran Sengat 40,
Taman Bersatu, 31650 Ipoh, Perak.

ATAU

No. 14, Jalan Kelab, Sungai Rokam,
31350 Ipoh, Perak.

© PENERBIT TEGUH CIPTA 1987

**CETAKAN PERTAMA
..... 1987**

Di cetak di Malaysia

Oleh:

PERCETAKAN STRAND SDN. BHD.
IPOH.


M
959.504

M 874303

MEG

22 JUL 1987

Gospetskaan Nagari
Mr



KANDUNGAN

BIODATA PERJUANGAN IMAM ABDUL MAJID SALLEH SEKAPUR SIREH

- | | |
|----------|--------------------------------|
| Bab I | ...Racun Penjajah |
| Bab II | ...Hadiah Baginda Queen |
| Bab III | ...Di Ambang 45 |
| Bab IV | ...Pertarungan yang menentukan |
| Bab V | ...Pengorbanan |
| Bab VI | ...Mencari Pejuang |
| Bab VII | ...Iktibar |
| Bab VIII | ...Rumusan Penulis |
| Bab IX | ...Penutup |



Teristimewa buat
Ibuku Ainun

dan

Isteriku
Dr. HafsaH Hanim
yang tersayang....

Biodata Imam Abdul Majid Salleh

Abdul Majid bin Haji Salleh dilahirkan pada tahun 1924 di Tapah, Perak. Anak kedua daripada sembilan orang adik beradik ini dibenarkan oleh ayahnya Haji Salleh bin Abdul Samad, seorang guru ugama.

Abdul Majid bin Hj. Salleh ataupun lebeh dikenali sebagai Abdul Majid Salleh, sebenarnya orang Melayu yang berketurunan Jambi Kerinci. Abdul Majid Salleh dididik dan diasuh dari kecil hingga dewasa di Kampung Tok Mulam, Batu Misjid, Banir, Tapah, Perak.

Oleh kerana, Haji Salleh bin Abdul Samad **lebeh** dikenali umum sebagai guru ugama Imam Misjid, maka Abdul Majid sejak kecil lagi telah dididik dan diasuh jiwanya terhadap ketinggian dan kesucian Islam.

Justeru itu, tidak hairanlah kepada kita kenapa perasaan bencikan penjajah begitu menebal dihati beliau. Abdul Majid Salleh mula menceburkan diri dalam arena politik ketika usia masih muda iaitu kira-kira 21 tahun.

Dalam usia yang begitu muda Abdul Majid Salleh telah dipilih sebagai Ketua II Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Negeri Johor pada tahun 1945, ia itu ketika pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Beliau juga terpilih sebagai salah seorang anggota Chairman Board dalam Gabungan Kesatuan Kaum Buruh, Negeri Johor. Apabila beliau berada di barisan hadapan pergerakan Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Negeri

Johor ketika itu maka ini bermakna beliau juga meletakkan dirinya bersama Dr. Burhanuddin menempa sejarah demi memperdaulatkan keutuhan rakyat di Tanah Melayu ini.

Kegigihan beliau dalam menyuarakan perasaan tidak puas hati rakyat terhadap kezaliman yang dilakukan oleh penjajah telah mengakibatkan diseret bersama teman-teman seperjuangan yang lain ke Kem Tahanan.

Pada tahun 1948, iaitu ketika dharurat diishtiharkan beliau telah ditahan oleh penjajah dan dimasukkan ke Kem Tahanan Majidee, Johor Bharu. Beliau kemudiannya dibawa keluar dan ditahan dalam Jel Johor Bharu pada tahun 1948. Dari Jel Johor Bharu; beliau dipindahkan oleh penjajah ke Pulau Sekijang atau St. Johns Island, Singapura pada akhir tahun 1948.

Di Pulau Sekijang beliau telah menjalankan kegiatan politiknya dengan melatih beberapa kalangan orang-orang tahanan terhadap tektik perjuangan. Kegiatan beliau akhirnya diketahui oleh Inggeris hingga menyebabkan beliau ditukar semula ke Aultram Road Jel di Singapura, pada tahun 1949.

Hanya sebulan lebih sahaja beliau di Aultram Road Jel; British dengan tiba-tiba menukarkan beliau ke Jel Cangi, Singapura pada tahun 1949 iaitu selama tiga bulan. Pada tahun 1950 Abdul Majid Salleh ditahan semula oleh British di Kem Tahanan Majidee, Johor Bharu.

Setelah setahun beliau ditahan di Kem Tahanan Majidee, beliau dipindahkan ke Kem Tahanan di Ipoh. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1951. Daripada Kem Tahanan Ipoh, beliau dipindahkan ke Kem Tahanan Tanjung Keling, Melaka selama enam bulan. Ketika ini, Rasyid Maidin juga ditahan dalam kem Tahanan yang sama. Sebelum beliau ditahan di Kem Tahanan Tanjung Keling, beliau telah dihantar semula ke Kem Tahanan Majidee selama lebih kurang lima bulan.

Dari Tanjung Keling, beliau kemudiannya dipindah lagi oleh Inggeris ke Kem Tahanan di Ipoh. Pemindahan kali ini berlaku dalam tahun 1953. Penahanan selama setahun ini membawa kepada penahanan yang terakhir iaitu di Morib pada tahun 1954 selama 6 bulan.

Walaupun beliau telah ditahan oleh British selama tujuh tahun namun setelah beliau bebas semula; perjuangan diteruskan lagi dengan menganggotai PARTI Rakyat Malaysia dan memegang Jawatan Ketua bagi Negeri Perak. Pada masa ini negara telah mencapai kemerdekaan.

SEKAPUR SIREH

Bersyukur saya kehadrat Allah S.W.T. kerana telah mengurniakan kekuatan jiwa dan raga untuk menyiapkan buku berjudul JENAYAH POLITIK KEMERDEKAAN' ini. Dengan kehadiran buku ini, makâ telah tersingkaplah rahsia sejarah tanah air kita yang lazimnya diputarbelitkan oleh 'orientalis barat'.

Pendokong-pendokong pejuang kemerdekaan dan pejuang Islam pada hari ini tentunya inginkan kepastian fakta sejarah; lebih-lebih terhadap perjuangan Dr. Burhanuddin yang sebenarnya. Apabila kita sudah dapat menentukan kebenaran perjuangan beliau maka barangkali dapatlah dijadikan garis panduan atau iktibar.

Keinginan angkatan pelajar mahupun masyarakat umum untuk mempastikan kebenaran fakta sejarah juga dapat dicungkil secara mendalam daripada buku ini kerana segala isi kandungannya diambil daripada petikan wawancara khas antara penulis dan Imam Abdul Majid Salleh yang bersama-sama Dr. Burhanuddin dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Peristiwa yang disuratkan dalam buku ini, di ambil daripada peristiwa sejarah yang berlaku pada masa pendudukan Jepun, sebelum pendudukan Jepun dan selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Kita tidak mengambil sebarang isi daripada buku sejarah yang lain kerana kebanyakannya tidak benar.

Kalau diperhatikan dengan teliti, karya-karya sejarah yang ditulis oleh D.G.E. HALL atau orientalis lainnya itu mempunyai kepentingan politik sesuatu golongan. Kebanyakan faktanya melindung kebenaran. Fakta-fakta mereka adalah fakta yang kabur dan mengelirukan masyarakat dari satu generasi ke generasi yang baru.

11/6/69, TERANIE :

BAB I

RACUN PENJAJAH

Apabila kita bercakap mengenai penjajah dalam konteks penjajah di Malaysia maka kita dengan pantas menjawab British dan Jepun. Jawapan kita memang tidak bersalahan dengan fakta sejarah.

British memang telah begitu lama menjajah Tanah Melayu dan dalam jangka masa yang panjang itu, British berjaya menyemai racunnya pada pembentukan sikap orang-orang Melayu. Namun demikian siapakah golongan yang telah diracun oleh British? Adakah Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh golongan nasionalis penuntut-penuntut Sultan Idris Trainning College (SITC), Tanjung Malim juga telah diracun oleh British? Siapa lagi yang berjaya memasuki perangkap British?

Bab Racun Penjajah ini adalah pendedahan jujur daripada Imam Abdul Majid Salleh terhadap siapa meracun dan siapa yang kena racun. Untuk mengetahui, rentetan peristiwa tersebut makat kita menyelami pengertian slogan 'Hidup Melayu' atau 'Merdeka' kerana daripada slogan inilah nantinya membayangkan jawapan mutlak siapa yang meracun dan siapa yang kena racun?

Kita seharusnya dapat melihat kemelut politik yang berlaku dalam rona sejarah silam dan menjadikan i'ktibar pada diri sebelum mengakui pejuang kemerdekaan yang sebenar. Kita seharusnya tidak tersalah tafsir dan cepat menuduh yang bukan-bukan kepada pejuang kemerdekaan yang luhur. Inilah suara hati Imam Abdul Majid Salleh, yang ingin diungkapkan dalam siri wawancara seterusnya.

Apakah pengertian Merdeka? Dan kemerdekaan apakah yang dituntut oleh Parti-Parti Politik sebelum 1957?

Kita mahu merdeka daripada penjajahan British. Kita mahu bebas dalam erti kata lain tidak terkongkong. Maksud tidak terkongkong disini ialah kebebasan dalam tiap aspek kehidupan bermasyarakat. Kita mahu bebas berpolitik. Kita mahu bebas berekonomi. Kita tidak mahu penjajah campurtangan dalam hal ehwal ekonomi kita. Kita tidak mahu penjajah mengaut keuntungan dan hidup mewah dengan harta benda kita. Kita tidak mahu penjajah campurtangan dalam hal ehwal peribadatan kita kepada Allah S.W.T.

Kebebasan yang kita inginkan tidak diperolehi sebelumnya. Apa yang kita lakukan samada pada aspek politik ataupun ekonomi ataupun sosial ataupun dalam hal ehwal ibadat hendaklah ditentukan oleh penjajah Inggeris. Kalau elok kepada penilaian mereka maka bolehlah kita melaksanakan kehendak kita. Sebaliknya, kalau tidak baik menurut penilaian mereka maka tindakan undang-undang akan diambil.

Ulamak yang terdiri daripada kalangan PKMM ataupun MATA atau dalam erti kata lain ulamak yang progressive sering membuat beberapa pertemuan dengan rakyat dan menerangkan secara sulit terhadap segala perlakuan sumbang yang dilakukan oleh penjajah.

Ulamak yang tidak progressive, pada waktu itu tidak berperanan menuip api kemerdekaan. Mereka lebih suka mempetikaikan soal sembahyang, soal ussali atau soal qunut.

PEKEMBAR atau UMNO tidak pernah menuntut kemerdekaan. Mereka fikir slogan 'Hidup Melayu' itu sudah progresif sangat. Tetapi kami yang bernaung di bawah barisan PKMM melaungkan slogan 'Merdeka' bukan sebagai amalan teori sahaja malah kami laksanakan dengan praktikalnya sekali.

'Slogan Merdeka' sebenarnya lahir daripada cadangan Encik Samad Idris ketika Perhimpunan Agung UMNO berlangsung di Seremban pada tahun 1952. Perwakilan menerima cadangan tersebut. dan ini bermakna 'Slogan Hidup Melayu' telah ditukarkan kepada 'Slogan Merdeka'. PKKM ditangkap oleh Inggeris beliau telah memasuki atau menganggotai UMNO. Langkah A.Samad Idris ini saya kira tidaklah wajar kerana perjuangan beliau sepatutnya bersandarkan kepada ideologi bukan untuk kepentingan diri.

Buktinya ramai dikalangan anggota PKKM yang lari menentang Inggeris dari dalam hutan walaupun menyedari bahawa ramai diantara kami yang ditahan oleh Inggeris. Ada juga diantara anggota PKKM yang mendiamkan diri tidak menyertai mana-mana parti politik ketika kami ditahan. Apa yang menghairankan saya kenapa A.Samad Idris atau Rahman Talib, Cikgu Mohd. Rahman, Ibrahim fikir, Daun Samad, Asri Muda dan beberapa anggota lagi tidak bersikap mendiamkan diri sahaja. Saya menganggap tindakan mereka sebagai sia-sia dan termasuk kepada golongan manusia yang tidak tahan cabaran. UMNO sepatutnya bukanlah parti yang layak disertai oleh mereka. Sia-sialah perjuangan mereka semasa dalam PKMM kerana akhirnya mereka memilih UMNO sebagai parti perjuangan.

Bilakah wujudnya satu perjuangan bercorak politik dalam erti kata memperjuangkan kemerdekaan di kalangan orang-orang Melayu? Golongan pemimpin manakah yang mempelopori perjuangan ke arah ini?

Perjuangan bercorak politik dalam erti kata yang terbuka atau terang-terang memperjuangkan kemerdekaan bermula selepas bulan Ogos, 1945. PKMM merupakan parti yang bertanggungjawab dalam menyuarakan kehendak perjuangan untuk memenuhi tuntutan kemerdekaan. Pemimpin-pemimpin yang mempelopori perjuangan PKMM pada waktu itu rata-rata berasal dari Negeri Perak dan berdarah Indonesia. Tidaklah saya nafikan bahawa ada juga diantara mereka yang bukan berasal daripada Negeri Perak atau berdarah Indonesia; tetapi golongan ini tidaklah seramai mana.

Ahmad Boestaman sebagai contoh asal-usulnya ialah orang Minang. Beliau tinggal di Tanjung Malim iaitu di Kampung Behrang, Perak. Baharuddin Haji Ibrahim pula asal-usulnya orang Kerinci sementara kampung halamannya ialah di Kampung Cheh, Kati, Kuala Kangsar, Perak. Suwito, daripada namanya sahaja kita tahu bahawa dia adalah orang Indonesia. Beliau adalah berdarah Rawa; kampung halamannya di Ayer Kuning, Kampar, Perak.

Anggota PKMM lainnya ialah Mokhtaruddin. Beliau berasal dari Bidor, Perak dan asal-usulnya orang Sumatera juga. Dr. Burhanuddin Al Helmy berdarah Minangkabau. Sementara itu, Shamsuddin Salleh penulis yang banyak menghasilkan karya sebenarnya berdarah Kampar Sumatera; tinggal di Kampung Gentam, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Menurut sejarah, golongan terpelajar SITC Tanjung Malim seperti Ibrahim Yaakob dan Ishak Hj. Muhamad (Keluaran Malaya College) merupakan golongan nasionalis radikal yang menuntut dan memperjuangkan kemerdekaan negara daripada penjajah. Apakah pandangan Imam terhadap kenyataan tersebut?

Tokoh yang disyakki sebagai anggota (PKM) Parti Kominis Malaia iaitu Musa Ahmad, pernah bergiat dalam PKMM. Beliau ini asal-usulnya Orang Tahu, Sumatera; menetap di Pengkalan Baru, Gopeng, Perak. Abdullah C.D asal usulnya orang Lambo. Beliau berkampung halaman di tempat bernama Lambo, Parit, Perak. Ishak Haji Muhammad yang lebih dikenali sebagai Pak Sako berasal dari Temerloh, Pahang dan saya sendiri berasal dari suku Jambi yang bermautautin di Batu Mesjid, Tapah, Perak.

Penglibatan Ibrahim Yaakob dan Ishak Hj. Muhammad dalam memenuhi tuntutan kemerdekaan pada era tahun-tahun 1930 an atau 1940 an memang benar. Tetapi, untuk mengiktiraf mereka sebagai golongan nasionalis radikal atau pejuang kemerdekaan negara tidak dapat kita terima sepenuhnya.

Kalau persoalan ditanya kepada saya yang turut sama-sama menyumbangkan tenaga serta jiwa pada waktu itu, maka saya tidak dapat mengiktiraf Ishak Hj. Muhammad atau Ibrahim Yaakub sebagai pejuang kemerdekaan mahupun sebagai golongan nasionalis radikal.

Kenyataan saya di atas adalah kenyataan yang berasas kerana hasil perjuangan Ishak Haji Muhammad mahupun Ibrahim Yaakob tidak ada. Kalau kita lihat kepada tidak tanduk mereka; memang tidak menepati persoalan yang diajukan tadi. Ishak Hj. Muhammad atau Ibrahim Yaakob kita akui lah sebagai penentang Inggeris nombor satu; persoalannya kenapa mereka bekerjasama dengan Jepun sebelum dan ketika Malaya dijahah Jepun.

Kalau mereka sebenarnya golongan nasionalis radikal atau pejuang kemerdekaan dalam erti kata yang sebenarnya, sudah tentu Inggeris dan Jepun sama-sama ditentang. Sudah tentu Inggeris dan Jepun sama-sama ditentang. Sudah tentu Inggeris dan Jepun sama-sama dihalau keluar daripada bumi Malaya ini. Kalau beginilah sikap mereka, barulah kena pada tempatnya kita mengiktiraf mereka sebagai nasionalis radikal ataupun pejuang kemerdekaan.

Bukankah Jepun dan Inggeris itu penjajah? Perjuangan menentang Inggeris yang disuarakan oleh Ishak Haji Muhammad dalam karya-karya nobelnya seperti Putera Gunung Tahan atau Anak Mat Lela Gila belum boleh meletakkan beliau sebagai pejuang kemerdekaan atau nasionalis radikal. Alasan saya ini, mempunyai sebab-sebab tertentu.

Antara sebab pokok kenapa saya berkata demikian ialah bukankah ramai lagi yang pernah menghasilkan karya-karya seperti beliau. Abdul Rahim Kajai misalnya salah seorang penulis yang berani mengkritik terhadap permasalahan rakyat. Penulis-penulis Al Imam juga berani mengkritik penjajah atau kaum bangsawan. Kenapa mereka ini tidak agung-agungkan?

Kalaular Ishak Hj. Muhammad atau Ibrahim Yaakub itu radikal kenapa pada masa itu masyarakat tidak tahu? Logiknya, kalau orang ramai tahu sudah tentu mereka ditangkap atau dipenjarakan oleh Inggeris. Sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu, penglibatan mereka dalam Kesatuan Melayu Muda dapatlah dianggap sebagai penglibatan yang tertutup. Kalaupun ada yang tahu mengenai perjuangan mereka, maka orang itu adalah puak-puak mereka sahaja. Maksud saya, yang tahu mengenai perjalanan perjuangan mereka bukan rakyat tetapi dianara mereka sahaja.

Berbalik kepada persoalan pokok kita iaitu terhadap istilah nasionalis radikal ataupun pejuang kemerdekaan; sepatutnya kita lontarkan istilah tersebut kepada peristiwa yang berlaku pada zaman pembunuhan Birch di Pasir Salak atau pun pada zaman perjuangan Dol Said atau Datuk Bahaman dan Mat Kilau.

Dengar ceritanya, Putum bukan orang Melayu Perak, tetapi beliau ialah orang Asli. Puntum menurut ceritanya telah dilantik oleh Datuk Maharajalela. (Pancung Tak bertanya) untuk membunuh Tuan Birch agaknya.

Adakah motif Datuk Maharajalela membunuh Tuan Birch itu datang daripada kesedaran atau kerana sakit hati atau sebab dia marah kerana tidak dapat kutip cukai lagi. Sehingga sekarang tidak ada dicatitkan oleh mana-mana buku sejarah terhadap persoalan ini.

Persoalan yang saya kemukakan di atas tidak dapat dijawab oleh sejarah yang dicatit oleh ahli sejarah dengan tepat. Samalah juga halnya dengan peristiwa Sultan Abdullah dan British. Adakah Sultan Abdullah benar-benar bencikan British sehingga akhirnya baginda telah dibuang jauh ke Pulau Sicily. Kalau benarlah Sultan Abdullah itu bencikan Inggeris kenapa pula beliau tidak membuat pakatan dengan semua Sultan diseluruh Semenanjung Tanah Melayu untuk menentang British.

Kesimpulannya, tentu kita dapat membuat rumusan bahawa perjuangan Sultan Abdullah sepatutnya mendapat kerjasama daripada semua pihak. Jadi, kita tidak tahu apakah motif sebenarnya yang terlindung disebalik tirai sejarah.

Berbalik kepada Ishak Hj. Muhammad atau Ibrahim Yaakub yang diakui oleh ahli sejarah sebagai nasionalis radikal atau pejuang kemerdekaan; lojiknya tidak wajar dan tidak kena pada tempatnya. Sepatutnya Datuk Bahaman atau Mat Kilau atau Dol Said atau Datuk Maharajalelah yang boleh dipertikaikan sebagai golongan nasionalis radikal mahupun pejuang kemerdekaan.

Ditinjau dari sudut aktiviti, orang ramai lebuh mengetahui perkebangan Kesatuan Melayu Muda selepas Jepun datang bukan sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu. Jadi maknanya, sudah tentu wujud pakatan rahsia antara anggota Kesatuan Melayu Muda sebelumnya. Oleh kerana itu, tidak hairanlah kena pa orang ramai tidak tahu terhadap perkembangan Kesatuan Melayu Muda sebelum kedatangan Jepun ke Tanah Melayu.

Pada pendapat saya mungkin kemenangan Jepun Tanah Melayu mempunyai kaitan rapat dengan Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ishak Hj. Muhammad atau Ibrahim Yaakub.

Barangkali Ishak Hj. Muhammad dan anggota Kesatuan Melayu Muda lainnya, pernah membuat pakatan atau menjadi talibarut Jepun untuk membolehkan Jepun masuk dan mengalahkan Inggeris. Barangkali juga mereka telah membuat perjanjian sulit dan dengan Jepun untuk membenarkan pada satu masa nanti Tanah Melayu ini diberi kemerdekaan penuh.

Kalau benarlah terjadinya hal yang demikian, maka tindakan tersebut dapatlah dianggap sebagai tindakan yang tidak wajar kerana melepaskan Tanah Melayu daripada penjajah Inggeris dan menghadiahkan pula kepada Jepun. Lojiknya, bukankah Inggeris itu penjajah dan Jepun juga penjajah? Melihat kepada keadaan ini, dimanakah amanah Kesatuan Melayu Muda pada rakyat dan negara?

Kalau kita mahukan merdeka, tidak sepatutnya kita minta tolong dengan orang luar lebuh-lebuh lagi dengan Jepun. Demikianlah, kenyataan secara kasar yang saya tahu mengenai perkembangan yang sebenarnya.

Apabila Tanah Melayu dijajah oleh Jepun dalam tahun-tahun 40-an, Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakub telah di haramkan. Mereka sebaliknya telah dijemput oleh Jepun memimpin PETA atau Pembela Tanah Air. Pada pandangan Imam kenapa Jepun berbuat demikian dan kenapa pula Kesatuan Melayu Muda diharamkan?

Sepanjang yang saya tahu, menurut cerita daripada Shamsuddin Salleh; yang pernah bergiat cergas dalam Kesatuan Melayu Muda dan pernah juga kena tahan waktu Jepun datang bahawa Ibrahim Yaakub telah menyertai Giugun (tentera Jepun) dengan pangkat kapten atau Kolonel.

Apabila Ibrahim Yaakob menyertai Giugun, Ishak Hj. Muhammad merasa bahawa dia telah kena tipu dan lari balek kekampung menjalankan kerja kampung. Begitu jugalah, perihal Shamsuddin Salleh yang berasa kecewa terhadap Ibrahim Yaakub turut pulang ke kampung menjalankan kegiatan harian seperti orang-orang kampung juga.

Semasa Jepun datang menyerang Tanah Melayu, Ishak Hj. Muhammad pernah pergi ke Tokyo dengan seorang wakil Indonesia merundingkan hal ehwal kemerdekaan. Menurut Shamsuddin Salleh lagi, selepas mereka pulang daripada Jepun, Ishak Haji Muhammad dan Ibrahim Yaakob membuat hal masing-masing.

Daripada cerita lisan yang diberitahu oleh Shamsuddin Salleh itu maka tidaklah dapat kita mengatakan bahawa Kesatuan Melayu Muda itu diharamkan oleh Jepun seperti yang didakwa oleh fakta sejarah sekarang. Kesatuan Melayu Muda selepas kedatangan Jepun cuma dapat dikatakan hilang begitu sahaja.

Semasa Jepun memerentah, Ibrahim Yaakub, Ishak Hj. Muhammad dan anggota-anggota KMM yang lain telah diajak bekerjasama. Ishak Haji Muhammad telah diajak memimpin PETA oleh Jepun kerana sebelum Jepun datang ke Tanah Melayu KMM telah membuat pakatan sulit dengan Jepun.

Antara sebab lain, pada zaman itu hanya Ishak Hj. Muhammad sahaja yang berpelajaran tinggi. Beliau petah berbahasa Inggeris kerana telah dididik oleh Inggeris di Malay College. Oleh yang demikian kebijaksana beliau telah dipergunakan oleh Jepun untuk memimpin PETA.

Ishak Hj. Muhammad bukanlah orang yang layak dipanggil pemimpin kerana jiwa beliau adalah jiwa kewartawanan. Ishak Hj. Muhammad ketika usia mudanya tidak pernah kerja tetap. Beliau sering bertukar dari satu jawatan ke jawatan lain.

Daripada keterangan Shamsuddin Salleh kepada saya, maka saya berpendapat bahawa antara Ishak Hj. Mohd. atau Ibrahim Yaakub atau kedua-duanya pernah membuat pakatan Sulit dengan Jepun bagi menghancurkan Imperialisme British di Malaya.

Jepun memang telah berada di Tanah Melayu sebelum berlaku perperangan Jepun dan Inggeris di Tanah Melayu. Ketika itu, ramai diantara oran-orang Jepun yang berniaga

runcit, membuka kedai dengan berbagai jenis barang yang mahal dan ada juga kedapatan barang-barang yang dijual dengan haraga yang murah.

Tetapi, kalau diperhatikan, barang orang Jepun ini tidak banyak yang laku di jual dan mereka yang berlagak sebagai peniaga tidak menghiraukan samada barang-barang yang dijual itu habis dijual atau tidak. Orang Jepun yang menjadi peniaga itu lebih sibuk menumpukan kegiatan seperti memancing disungai. Mereka juga kadang-kadang pergi menembak buaya.

Kalau diperhatikan gelagat orang-orang Jepun itu, dapatlah kita rumuskan bahawa mereka sebenarnya adalah agen-agen yang didatangkan khas daripada Jepun untuk menyelidiki kedudukan Ilmu Alam Tanah Melayu. Mereka menyelidiki sungai yang ada buaya atau tidak, mereka meyelidiki juga jumlah dalamnya tiap-tiap sungai di Semenanjung ini. Oleh yang demikian apabila mereka menyerang dan datang ke Malaya, tidak seorangpun dikalangan mereka yang bertanya penduduk tempatan arah atau jalan yang hendak dituju. Kemahiran mereka memahami peta Malaya ini, diperolehi daripada agen-agen yang telah dihantar ke Tanah Melayu dan menyamar sebagai peniaga dan sebagainya.

Oleh yang demikian, mungkin pakatan sulit antara Kesatuan Melayu Muda dan orang-orang Jepun di adakan di dalam Malaya ini sendiri. Kalau tidak masakan, Ishak Haji Muhammad atau Ibrahim Yaakub dengan tiba-tiba sahaja memimpin PETA atau Pembela Tanah Air.

Berbalik kita kepada perjuangan Parti Komunis Malaya dalam tahun-tahun 40an dan persoalan yang ditimbulkan di sini ialah: Siapakah dikalangan orang Melayu yang menyertai Parti Komunis Malaya?

Tidaklah dapat kita ketahui, orang Melayu manakah yang menyertai Parti Komunis Malaya pada waktu itu. Perkataan Parti Komunis Malaya itu lebih dikenali sekarang, tetapi pada waktu itu kita lebih mengenali namanya sebagai Malaya Communist Party, ataupun singkatannya MCP.

Keanggotaan MCP tidaklah diketahui umum pada waktu itu, ini adalah kerana penyertaan mereka begitu sulit dan pengishtiharan mereka sebagai anggota MCP adalah rahsia.

Apa saya ketahui mengenai kegiatan komunis pada wktu itu, sebenarnya golongan ini lebih merupakan sebagai 'MCP Representative' atau dalam bahasa Melayunya 'Pergerakan Komunis terbuka'. Pergerakan induk mereka pada waktu itu ialah di Kuala Lumpur dan di Singapura.

Kegiatan mereka dijalankan di Forch Avenue, Kuala Lumpur dan diShort Street, Singapura. Saya tidak dapat mengagak atau meneka orang Melayu yang terlibat secara langsung dengan mereka.

Fakta sejarah mendakwa bahawa Rasyid Maidin, Abdullah C.D, Musa Ahmad, dan Shamsiah Fakoh sebagai orang-orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan Parti Komunis Malaya atau MCP. Apakah kenyataan ini benar dan sekiranya tidak benar apakah alasan Imam yang sebenarnya?

Penglibatan mereka dalam pergerakan Parti Komunis Malaya bukanlah pada perengkat permulaan penubuhan parti tersebut di Malaya. Pengishtiharan Rashid Maidin, Abdullah

C.D atau Musa Ahmad sebagai komunis sebenarnya diketahui kemudian setelah sekian lama pergerakan komunis wujud di Malaya.

Pengishtiharan rasmi itu dibuat dalam kenyataan akhbar; namun demikian Shamsiah Fakeh tidak dapat kita katakan sebagai komunis kerana beliau tidak membuat sebarang pengistiharan.

Kita dapat menerima kenyataan sejarah yang mengatakan bahawa Rasyid Maidin, Musa Ahmad dan Abdullah C.D sebagai komunis kerana daripada pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh mereka sendiri jelas mengesahkan bahawa mereka adalah komunis.

Walau bagaimanapun saya tidak dapat menerima mereka sebagai komunis dari segi teorinya; namun demikian secara praktikalnya mereka dikatakan komunis kerana mereka meniru-niru dan menonjol-nonjolkan aktiviti komunis.

Aktiviti komunis yang ditonjolkan oleh mereka ialah begitu 'Punctual' atau dalam ertikata lain 'berani', 'tidak bohong' atau bertentangan dengan perangai kebanyakan orang.

Kalau kita lihat dari 'isme' komunisma, sedia maklum komunisme tidak percaya kepada ugama dan tidak bertuhan. Lenin umpamanya sebagai bapak komunisme pernah berkata bahawa, "ugama itu candu". Persoalannya disini ialah adakah Rasyid Maidin, Abdullah C.D atau Musa Ahmad itu mahu mengaku ketiadaan Tuhan dan ugama itu candu seperti yang dinyatakan oleh Lenin tersebut. Orang Melayu ini..... pada kenyataannya, bila terantuk kakinya ketungkul kayu dengan pantas akan menyebut Allah.

Saya kluatir untuk menetapkan bahawa mereka ini komunis kerana kalau diimbas kepada cerita-cerita lisan yang dibawa oleh askar-askar Melayu ketika operasi di hutan sering terdapat beberapa orang komunis itu bersembahyang dan dimerata pokok yang besar-besar pula tertulis ayat-ayat yang bercorak ugama; seolah-olah mereka ini tidak meninggalkan Islam.

Kalau dilihat kepada latar belakang tiap-tiap tokoh tersebut umpamanya Rasyid Maidin sendiri; beliau mempunyai perwatakan yang lembut. Dari segi pergaulanya sendirinya tidak pernah menujuk sikap yang tidak baik dikalangan teman-temannya. Begitu jugalah dengan Abdullah C.D.

Abdullah C.D bersikap keras terhadap musuh iaitu Inggeris bukan bersikap keras dikalangan sahabat. Rasyid Maidin sebelum menyertai komunis pernah bertugas sebagai Juruelektrik di salah sebuah kapal korek. Kemahiran beliau terhadap bidang elektrik pada waktu itu memang tidak ada bandingannya. Kemahiran yang saya maksudkan bukan saja dari segi teorinya malah dari segi praktikalnya sekali.

Mungkin kalau beliau berada dalam masyarakat sejak sebelum merdeka hingga ke hari ini, barangkali beliau boleh diiktiraf sebagai 'engineer'. Rasyid Maidin dari segi peribadinya merupakan manusia yang tenang dan sering kali menonjolkan sikap yang tidak resah.

Rasyid Maidin, saya anggap sebagai orang yang mempunyai Long term policy dalam perjuangan'. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kenapa beliau kelihatan tenang sahaja. Kalau kita merujuk kepada suasana Malaya semasa dalam penjajahan Inggeris; sesiapa sahaja yang menentang Inggeris akan segera dituduh komunitis. PKMM sendiri pernah dituduh sebagai Komunis. PRM juga dituduh komunis oleh

UMNO. Jadi, tidak hairanlah kepada kita kenapa Rasyid Maidin, Abdullah C.D dan Musa Ahmad itu sering dituduh oleh orientalis barat sebagai komunis. Kalau dilihat kepada sejarah orientalis barat sering menuduh orang-orang Melayu sebagai Lanun. Pada hakikatnya benarkah orang Melayu itu lanun.

Kita tidak boleh kata Komunis memperalatkan Rasyid Maidin, Musa Ahmad atau Abdullah C.D untuk mendapat pancingan daripada masyarakat Melayu kerana PKM diwujudkan di Tanah Melayu ini untuk menuntut kemerdekaan. Begitu jugalah dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya, ketika itu ditubuhkan kerana hasil inspirasi rakyat Melayu untuk mencapi kemerdekaan.

Cuma yang membezakan antara PKM dan PKMM ialah cara dan tujuan perjuangan. Kalau lihat sejarah Negeri Cina, wujudnya Parti Komunis Cina kerana ingin menghalau kemaraan Jepun. Tujuan ini samalah juga dengan Kuomin-tang. Apabila Jepun telah kalah kemudiannya, berlaku pula perperangan antara Kuomintang dan Kominis. Kalau dilihat kepada peristiwa ini, dapatlah kita katakan untuk mencapai tujuan bersama iaitu untuk mempertahankan Negeri Cina Komunis dan Kuomintang bekerjasama dalam satu 'front' atau dalam satu barisan.

Begitu jugalah keadaannya yang berlaku dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Parti Kominis Malaya. Kalaulah benar kominis ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai Negara Kominis, ini sudah tentu bertentangan dengan dasar dan tujuan Parti Kebangsaan MeJayu Malaya.

Sebagai langkah pertama, PKMM terpaksa bekerjasama dengan PKM. PKM tidak boleh menolak PKMM dalam

memenuhi cita-cita bersama untuk memerdekakan Tanah Air. Dengan adanya kerjasama PKM itu maka bertambah cepatlah perjuangan PKMM sampai kepada destinasi. Bertambah cepatlah kemunduran Imperialisme British dari Tanah Melayu.

Pada bulan Julai, 1945 Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KERIS) telah ditubuhkan bagi menyahut bayangan hasrat Jepun untuk memerdekakan Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia. Apakah cita-cita KERIS ini berhasil?

Cita-cita KERIS tidak berhasil kerana, kesilapan orang-orang Melayu sendiri. Kesilapan ini bukanlah kesilapan daripada pucuk pimpinan. Kesilapan ini sebenarnya berpunca daripada perbezaan sikap diantara rakyat Indonesia dan rakyat Tanah Melayu.

Semasa Belanda memerentah semula Indonesia dan setelah jatuhnya imperialism Jepun di Indonesia, semua rakyat Indonesia mempertahankan kemerdekaan Tanah Air mereka dengan mengishtiharkan perperangan gerila. Orang lelaki dan orang perempuan di Indonesia seluruhnya bangkit berjuang sehingga kanak-kanak pun turut serta sehingga terbentuk barisan perjuangan yang lebih dikenali sebagai 'tentera Semut'. Tugas kanak-kanak ini ialah mencuri senjata-senjata kepunyaan Belanda atau Jepun di Markas tentera mereka.

Di Malaya suasannya berlainan, orang Melayu cuma menyediakan Parang Panjang untuk membunuh Cina. Komunis dianggap oleh orang-orang Melayu sebagai 'orang Cina'. Inilah kebodoahan yang ditonjolkan oleh orang Melayu dari segi politik. Mereka tidak menyediakan Parang Panjang untuk membunuh Inggeris tetapi membunuh Cina.

Nama Dr. Burhanuddin tiba-tiba muncul dalam kenyataan sejarah apabila beliau dan Ibrahim Yaakub yang menyertai KERIS berunding dengan Sukarno dan Mohd. Hatta bagi membincangkan mengenai kemerdekaan bersama. Siapakah Dr. Burhanuddin dan bagaimanakah keterangan latar belakang mengenai beliau?

Dr. Burhanuddin yang saya tahu dari secara kasarnya memang pernah membuat hubungan dengan Indonesia barangkali kerana pertalian darahnya dengan orang-orang seberang. Dr. Burhanuddin adalah orang Minangkabau. Beliau memasuki Alligar Universiti di India, pun daripada Indonesia bukan daripada Malaysia. Jadi, oleh kerana itu 'konteks' nya atau perhubungannya begitu luas.

Adik Dr. Burhanuddin iaitu Ustaz Abdul Halim B. Mohd. Nor pernah bercerita, bahawa Dr. Burhanuddin pernah menyertai Gerakan Merah atau Gerakan Merah bersama pasukan Komunis di Indonesia. Walau bagaimana pun janganlah kita tersilap anggap bahawa Dr. Burhanuddin itu berideoloji komunisma.

Dr. Burhanuddin sepanjang yang saya tahu adalah orang 'saufi moden'. Beliau kelihatan tenang dan tidak pernah menyalahkan kerunsingannya terhadap apa juga perkara atau cabaran-cabarannya yang mendatang. Beliau tidak memikirkan soal harta benda atau mengejar kebendaan. Walaupun tidak makan; namun beliau tetap tidak mengatakan bahawa dirinya lapar dan sebagainya. Kecuali pula, halnya kalau kita berjalan dengan dia; seringkali kita yang mengajak beliau minum atau makan.

Dr. Burhanuddin tidak memikirkan soal pakaian. Beliau pernah berjumpa Sukarno dengan memakai 'baju kesumba' saja. Baju kesumba adalah pakaian yang dibuat daripada kain yang paling murah. Parti Politik yang mula-mula disertai oleh beliau di Malaya ini ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Penyertaan beliau dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya kesana PKMM sesuai dengan jiwa perjuangannya.

Dengan munculnya Dr. Burhanuddin sebagai pucuk pimpinan PKMM, maka akhirnya PKMM, maka akhirnya 'populiriti' PKMM bertambah masyhur . 40 peratus daripada kemasyhuran PKMM datangnya daripada nama Dr. Burhanuddin. Dr. Burhanuddin samalah seperti Ustaz Hadi Awang. Waktu itu, semua orang tahu Dr. Burhanuddin. Tidak ada seorang pun yang menghina beliau atau marahkan beliau. Ini bukan kenyataan kosong; bila kita lihat realitinya Parti lawan sendiri pun suka kepada Dr. Burhanuddin. Sesiape-sahaja yang berjumpa dengan Dr. Burhanuddin yang merasa kasih dan sayang kepadanya. Demikianlah tebalnya ilmu Bathin Dr. Burhanuddin itu. Kita tidak pernah dengar orang UMNO mengutuk atau menghina Dr. Burhanuddin.

Cara ucapan Dr. Burhanuddin tidaklah seperti Professor-Professor yang ada pada hari ini. Kalau nak dibandingkan Dr. Burhanuddin dengan profesor tersebut langsung tidak ada nilai sesen pun. Ini adalah kerana sekali Dr. Burhanuddin berucap, sentiasa menjadi buah mulut orang ramai. Sehinggakan pada hari ini, orang masih menyanjung Dr. Burhanuddin, orang masih menyanjung kesucian perjuangan beliau. Inilah yang saya katakan bahawa Dr. Burhanuddin lebih bernilai daripada profesor yang ada pada hari ini. Kalau profesor itu berucap atau mengatakan sesuatu pada hari ini beliau masih tidak menjadi kenangan kepada generasi-generasi selepasnya.

Profesor yang diperolehi oleh Dr. Burhanuddin bukanlah Profesor kosong tetapi Profesor yang dianugerahkan oleh Universiti Gajah Mada Indonesia. Dalam mencari tokoh perjuang kemerdekaan di Tanah Melayu nampaknya tidaklah ada lagi sebarang tokoh yang boleh menandingi beliau. Bertambahnya ahli ataup enyokong-penyokong Parti Kebangsaan Melayu Malaya rata-rata kerana isi ucapannya yang berjaya memikat dan menguatkan jiwa raga rakyat untuk berjuang.

Dr. Burhanuddin semasa menjadi pucuk pimpinan PKMM sentiasa mengharapkan agar orang-orang UMNO menoleh kepada kebenaran perjuangan. Dalam ucapan beliau, saya tidak pernah mendengar suara-suara kutukan dilahirkan terhadap UMNO. Dr. Burhanuddin begitu lembut sikapnya terhadap UMNO. Daripada sikap begini tidak ada orang UMNO yang bencikan beliau. Begitu jugalah dengan PAS pada hari ini tidak bersikap melampau terhadap UMNO, malah sentiasa menyeru orang UMNO supaya menyertai barisan perjuangan PAS.

Begitu jugalah dengan PKMM pada waktu itu sentiasa berharap dan mendapat kerjasama daripada UMNO supaya bersama-sama menuntut kemerdekaan total daripada Inggeris. Daripada isi ucapan Dr. Burhanuddin sepetimana yang saya katakan tadi tidak ada atau tidak pernah di lontarkan sebarang kecaman terhadap UMNO.

Pada waktu itu, yang kuat menyunggung UMNO sebenarnya dikalangan orang-orang diperengkat bawah. Begitu jugalah seperti yang berlaku dalam krisis PAS dan UMNO pada hari ini. Golongan yang paling kuat menyunggung antara satu sama lain adalah daripada golongan perengkat bawah.

Sudah menjadi lumrah alam, bahawa kalau sekali pucuk pimpinan mengeluarkan satu isu sebagai mesej dalam ceramahnya maka seratus kali pulalah isu yang digembar gemburkan oleh orang diperengkat bawah. Dr. Burhanuddin yang saya tahu, tidak mempunyai musuh politik. Kalau kita katakan kepadanya UMNO begitu kuat menentang: beliau dengan tenang menjawab, "UMNO bukan menentang tetapi tidak dapat menerima kerana jahil atau kerana tidak tahu perkembangan politik yang sebenar".

Dr. Burhanuddin dalam perjuangannya menganggap UMNO sebagai parti yang 'Reactioner' dalam erti kata lain menentang 'Progressive'. Reactioner maknanya membawa

masyarakat kembali kebelakang. PKMM membawa masyarakat kehadapan bukan kebelakang. Kalau istilah Haji Hadi Awang kata, menarik orang kepada era-Jahiliyyah.

Tindakan Dr. Burhanuddin bersama PKMM yang tidak boleh dilupakan oleh sejarah ialah ketika tentangan secara terbuka PKMM terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada perengkat ini PKMM yang dipengerusikan oleh Dr. Burhanuddin dan beberapa pucuk pimpinan yang lain telah menghantar 'People Constitution' yang dihantar kepada 'United Nation'.

Malayan Union adalah satu sistem pentadbiran yang dicadangkan oleh British untuk dijalankan di Tanah Melayu bermula pada 1.4.1946. Antara cadangan-cadangan yang bakal dikuatkuasakan adalah seperti berikut:

1. Raja-raja Melayu diminta menyerahkan kuasanya kepada British dan Tanah Melayu akan ditadbir oleh sebuah pentadbiran pusat yang di ketuai oleh seorang Gabenor.
2. Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Bersekutu dan Negeri-Negeri Tidak Bersekutu akan dihapuskan dan sebagai gantinya Tanah Melayu akan dikenali sebagai Kesatuan Malaya (Malayan Union)
3. Gabenor dalam menjalankan tugasnya akan dibantu oleh dua Dewan Penasihat-Executive Council dan Legislative Council dengan anggota-anggota yang dilantik.
4. Sistem kehakiman terletak di bawah Mahkamah Tinggi yang ditempatkan di Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi adalah di bawah kuasa Privy Council di London.

S. Kerakyatan Tanah Melayu diberi kepada semua bangsa melalui sistem Jus Soli. Bagi mereka yang telah menetap di Tanah Melayu satu peruntukan undang-undang yang mudah akan diadakan bagi membolehkan mereka mendapat kerakyatan.

Daripada cadang-cadangan Malayan Union itu sejarah telah memperlihatkan bagaimana implikasinya orang-orang Melayu

tidak menerima, dan telah membuat pakatan untuk menggagalkan usaha Inggeris tersebut. Apakah pertubuhan politik yang bertanggungjawab melancarkan penentangan tersebut?

Parti Kebangsaan Melayu Malaya menentang cadangan Malayan Union itu. UMNO juga mentang Malayan Union. Apa yang PKMM beritahu pada orang ramai ialah Malayan Union akan menamatkan kuasa raja-raja. Kalau adapun raja-raja selepasnya, kuasa tersebut macam 'kuasa Kadhi sahaja'.

Mengenai kerakyatan, PKMM mahukan syarat kerakyatan itu diperketatkan lagi. PKMM mahu supaya kebebasan orang Melayu dalam hal mentadbir kawasan atau negeri masing-masing tidak dicampur adukkan dengan orang-orang Cina atau orang India. Apabila Malayan Union memberikan kebebasan kepada rakyat asing menjadi pentadbir dalam negara ini, orang Melayu menentang dan tidak menerima dasar tersebut.

Parti Buruh tidak menerima cadangan untuk meletakkan sistem Kehakiman di bawah Mahkamah tinggi yang ditempatkan di Kuala Lumpur atau meletakkan Mahkamah Tinggi di bawah kuasa Privy Council di London. Oleh sebab penentangan yang hebat dikalangan orang-orang Melayu maka cadangan Malayan Union itu tidak berjaya.

Saya masih ingat lagi, satu mesyuarat telah di adakan di Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Kesatuan-Kesatuan Melayu bagi seluruh Tanah Melayu. Dalam perhimpunan itu, kami telah memberi kata dua kepada golongan yang masih menyokong cadangan penjajah itu supaya keluar meninggalkan mesyuarat. Dalam mesyuarat itu diminta Shamsuddin Salleh duduk bersama pengurus untuk menjawab segala soalan.

Sebelum Shamsuddin menjawab soalan, wakil dari Sabak Bernam yang berjumlah dua orang telah meninggalkan dewan. Mereka adalah golongan orang Melayu yang bersetuju atas cadangan Malayan Union tersebut. Shamsuddin Salleh telah dipilih menjadi penjawab dalam mesyuarat tersebut dan beliau telah ditugaskan untuk menjawab hujjah-hujjah daripada orang ramai yang mengatakan atau menyokong cadangan Malayan Union itu.

Ketika Shamusddin Salleh sedang menjawab hujjah yang diajukan oleh semua perwakilan politik dari seluruh pelusuk Tanah Air, beberapa orang perisik yang terdiri daripada orang-orang Inggeris kelihatan merah padam mukanya akibat cemuhan kita. Hasilnya, sebuah memorandum bantahan telah dihantar kepada British dengan menyatakan bahawa semua Parti orang Melayu menentang Malayan Union.

Berikutnya, semua parti politik Melayu termasuk UMNO telah melancarkan 'demonstrasi' secara terus menerus keseluruhan Tanah Melayu sebagai tindakan memulau cadangan penjajah British yang bertujuan menjual maruah orang-orang Melayu.

Kita telah dikaburkan oleh sejarah bahawa Parti Kebangsaan Melayu Malaya telah tidak berjaya mencapai objektifnya bersama UMNO untuk menentang keseluruhan cadangan

Malayan Union itu. Walau bagaimanapun sejarah memaparkan bahawa UMNO kemudiannya telah bersetuju sebahagian daripada syarat tersebut. Ini mengakibatkan PKMM berpecah daripada UMNO. Untuk menjawab kenyataan ini dan kekeliruan yang digembar-gemburkan oleh sejarah yang salah saya serahkan kepada Imam untuk menghuraikan peristiwa sebenar?

UMNO pada waktu itu bergantung kepada kata-kata Dato Onn sahaja. Baik kata Dato Onn maka baiklah kata anggota UMNO, sebaliknya kalau buruk kata Dato Onn maka buruklah kata mereka. Parti Kebangsaan Melayu Malaya tidak bergantung kepada kata-kata seorang sahaja.

Parti yang bertanggungjawab menjalankan harta atau mogok umum itu sebenarnya PARTI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA. Segala hal mengenai mogok tersebut dirancangkan oleh Parti Buruh tetapi direstui oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Ini adalah kerana PKMM adalah induk kepada Parti Buruh. Parti Buruh dalam ertikata lain bernaung dalam PKMM.

Jadi, Gabungan Kesatuan Kaum Buruh telah dengan giat melancarkan harta sehingga akibatnya, bas, keretapi, dan sistem pengangkutan seluruh negara dihentikan. Pekerja-pekerja estete, lombong dan di tiap-tiap jabatan kerajaan turut serta melancarkan mogok umum tersebut.

UMNO bukanlah parti yang bertanggung jawab melancarkan mogok umum tersebut, tetapi kalau nak cari parti yang bertanggungjawab maka jawapannya ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Saya sendiri pada waktu itu pergi ke pejabat sambil jalan kaki sehauh 10 batu.

Pada pandangan Imam adakah UMNO dapat dianggap men-cabul keutuhan bangsa Melayu akibat daripada persetujuan mereka menerima sebahagian daripada Malayan Union disam-ping menambahkan beberapa syarat seperti yang termetri pada perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

Dasar UMNO adalah dasar kerjasama dengan penjajah. UMNO sentiasa bersikap 'tak apa' dan boleh bertolak ansur. PKMM tidak mahu bekerjasama dengan penjajah. PKMM tidak mahu bersikap tak apa. Walau dalam apa jua keadaan, kemerdekaan yang ingin dicapai mestilah 'kemerdekaan total'.

PKMM sering mengingatkan UMNO dan rakyat bahawa kalau satu jam British memerentah Malaya, maka satu jumlah kita rugi. Kalau satu hari mereka yakni British memerentah Malaya, maka ini bermakna satu hari lah kita rugi. Begitulah juga kalau satu tahun British memerentah Malaya kerugian yang kita tanggung memang begitu besar.

Governor British yang pertama di Tanah Melayu pernah berkata, keuntungan yang diperolehi daripada Malaya ini sebenarnya dapat menampung kerugian Inggeris di India yang telah dimerdekakan. Ucapan beliau ini disuarakan apabila India mencapai kemerdekaan. Daripada kata-kata itu, maka rugilah rakyat Malaya khususnya orang-orang Melayu kerana sanggup membentarkan Inggeris yang tidak bersangkut paut dengan negara ini mengaut keuntungan dan menyenangkan negara mereka.

UMNO tidak dapat melihat kebenaran dan erti perjuangan PKMM yang sebenarnya. UMNO kata kita boleh mencapai kemerdekaan kalau semua orang Melayu layak memerentah sendiri. Dari pendapat begini, maknanya UMNO ingin menunggu supaya semua orang Melayu mempunyai kelayakan yang sewajarnya dan barulah kemerdekaan negara tercapai.

UMNO berjuang tanpa prinsip. UMNO berjuang macam kata pepatah "Dimana terantuk disitu terngadah". UMNO seolah-olah tidak tahu arah tujuan perjuangan. Inilah pandangan yang dilihat oleh PKMM pada waktu itu.

Pemimpin UMNO menganggap kesemua pemimpin PKMM ini sebagai Komunis. Segala tohmahan yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO itu sebenarnya akibat diracuni oleh British. UMNO memang jelas menelan racun yang disemai oleh penjajah itu.

Pada masa berlakunya perpecahan diantara UMNO dan PKMM tidakkah UMNO melontarkan kata-kata kesat atau fitnah seperti yang dilakukan terhadap PAS pada masa ini?

PKMM menerima bangsa Cina sebagai teman seperjuangan. "Kami berada dalam satu front". Ini adalah kerana semua rakyat dinegara ini ingin merdeka dan ini bermakna semua rakyat mempunyai tujuan yang sama.

Maksud sebenar PKMM mengajak bangsa Cina dan India bersama-sama dalam satu front bukanlah untuk menggadai Tanah Melayu ini kepada mereka. Tujuan kita pada perengkat permulaan ialah inginkan merdeka. Kalau kemerdekaan itu berjaya kita capai maka tujuan kedua kita akan diperjuangkan selepas kejayaan tersebut.

Barangkali kita akan mengangkat senjata menentang sesiapa sahaja dikalangan bangsa asing yang ingin memerentah Tanah Melayu ini. Tujuan tersebut hanya boleh dicapai sekiranya Tanah Melayu ini bebas daripada cengkaman penjajah. Jadi, adalah lebih baik kita mengajak semua bangsa di Tanah Melayu ini menentang Inggeris dan mengelakan daripada sebarang kompromi dengan Inggeris.

Apakah tindakan daripada PKMM setelah termetrinya Perlembangan Persekutuan Tanah Melayu antara UMNO dan kerajaan Inggeris? Dan apakah sikap atau tindakan INggeris selanjutnya?

Saya pernah bercakap dalam satu mesyuarat, di Kluang, Johor pada tahun 1947; bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebenarnya lebih buruk daripada Malayan Union lagi. Kalau dulu kita takut orang bangsa asing menjadi pemimpin maka selepas Perlembagaan Tanah Melayu, perkara ini benar-benar terjadi. Sebenarnya Malayan Union dan Perlembagaan Tanah Melayu sama sahaja.

Keistimewaan orang Melayu telah lenyap akibat persetujuan PTM tersebut. Sebelum Malayan Union Pegawai Daerah bukan terdiri daripada mereka yang asalnya orang Cina atau orang India; tetapi selepas PTM orang Cina dan India rata-rata dapat menjawab jawatan tersebut.

Pada kesimpulanya perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union itu tidak berhasil kerana orang Melayu kemudiannya telah bersetuju menerima Perlembagaan Tanah Melayu pada tahun 1948.

UMNO, wakil Kerajaan British dan Raja-Raja Melayu telah bersama-sama bertanggungjawab merangka dan melaksanakan Perlembagaan Persekutuan Tanah melayu pada 1hb. Februari, 1948. Antara isi kandungannya dirumuskan seperti berikut:

1. Raja dikenalkan kedudukannya tetapi tunduk dibawah nasihat pegawai British yang pada perengkat tertingginya adalah di bawah arahan Pesuruh Jaya Tinggi British yang bertempat di Kuala Lumpur. Dengan kata lain buat pertama kalinya pentadbiran seluruh Tanah Melayu dipusatkan.

2. Soal pertahanan dan hal ehwal luar negeri adalah di bawah arahan Pentadbiran British.
3. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu diperkekalkan.
4. Kerakyatan akan dibuka kepada bangsa asing dengan syarat-syarat yang diperuntukan dibawah undang-undang tertentu.

Meneliti kepada rumusan Perlembagaan Persekutuan tersebut sudah tentu menjadi bahan bangkangan daripada Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada waktu itu. Apakah keritikan PKMM terhadap rumusan tersebut?

Tahun 1948 sebenarnya tahun yang menghentikan kegiatan PKMM. Ramai daripada pucuk pimpinan telah ditangkap oleh British. Tujuan PKMM diharamkan oleh British dan tujuan mereka menangkap anggota PKMM sebenarnya berkait rapat dengan Perlembagaan Tanah Melayu.

Sekiranya PKMM masih ada pada waktu itu tentulah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menghadapi kegagalan. UMNO tidak ditakuti oleh Inggeris kerana mereka seperti yang telah saya katakan merupakan Parti yang mengikut telunjuk British. Sedang PKMM tidak.

PKMM menentang cadangan Pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. PKMM tidak menghiraukan sebarang daripada cadangan PPTM tersebut. Ini adalah kerana PKMM mahu Malaya diperentah oleh pemerentahan beraja yang 'absolute Monarki'.



Sebahagian hadirin yang hadir dalam perjumpaan itu malam semalam. Inilah pertemuan antara beberapa orang yang pernah berjuang untuk Kemerdekaan Negara dulur.

Keratan Akhbar Watan, 9 Ogos 1977, Abdul Majid Salleh duduk di sebelah Ahmad Boestamam.

PKMM mahu raja berkuasa penuh. Kita mahu sebuah kerajaan yang merdeka betul. Kalau raja tidak berkuasa penuh maka itu bukan dikatakan raja.

Rakyat dimana negeri dalam dunia ii pun menerima rakyat asing tinggal atau diam dinegaranya. Walau bagaimanapun, mestilah ada syarat-syarat yang ketat. PTM adalah perlombagaan yang melonggarkan syarat kerakyatan. Ini yang ditentang oleh PKMM.

PKMM mahu susah dulu dan senang kemudian, sedangkan UMNO pula mahukan senang dulu dan susah kemudian. Akibatnya, hak keistimewaan peribumi yang dilaung-laungkan oleh UMNO sehingga hari ini telah hilang entah kemana.

Tuan Abdul Rahman sentiasa bersikap 'Tak Apalah' sahaja. Contohnya, untuk mencapai kemerdekaan; British mencadangkan orang Melayu hendaklah menerima supaya orang Cina dan orang India dibenarkan berpolitik.

Cina dan India sepatutnya tidak boleh bebas berpolitik kerana pada waktu itu orang Melayu merupakan 'son of the soil'. Sebelum 1952, Cina dan India tidak ada parti politik. Cuma, pada tahun 1952 barulah Cina menubuhkan M.C.A. Itupun, M.C.A bukanlah ditubuhkan oleh kaum Cina sebagai pertubuhan politik tetapi pertubuhan sosial sahaja.

MIC juga sebelumnya hanya pertubuhan sosial sahaja. Perjuangan Politik mereka kearah Kemerdekaan India. Penubuhan MIC samalah seperti MCA yang fungsinya tidak campurtangan dalam hal politik. Oleh kerana, Tunku Abdul Rahman dengan sikap 'tak apa' bersama UMNO seluruhnya nak cepat sangat mencapai kemerdekaan; maka cadangan

British itu diterima secara membabi buta.

Kemerdekaan yang dicapai oleh UMNO itu sebenarnya, kemerdekaan yang kosong. Inggeris keluar ikut pintu hadapan dan masuk ikut pintu belakang. Kita merdeka tipu dan kita merdeka separuh masak sahaja. Segala-gala kritikan ini pernah saya suarakan pada tahun 1960 lagi.

Kemerdekaan kita daripada 1957 adalah kemerdekaan yang tidak lepas dari belengu penjajahan Inggeris. Walaupun Inggeris tidak ada dinegara kita namun kita masih menegakkan undang-undang mereka. Apabila kita menerima dan menegakkan undang-undang Inggeris di Malaysia maka ini bermakna Inggeris masih berada dinegara kita lagi.

BAB II

HADIAH BAGINDA QUEEN:

Orang-orang politik di Malaysia satu ketika dulu melen-ting dan marah bila dengar Lee Kuan Yew kata, "Kemerdekaan Tanah Melayu di hadiah oleh British"

Kenapa harus gusar dengan kenyataan tersebut. Kenapa tidak kita imbaskan pandangan kepada rentetan peristiwa silam supaya perasaan marah itu boleh reda kembali.

Kalau benarlah British menghadiahkan kemerdekaan dengan percuma; siapa pula yang layak menerima hadiah tersebut? Kalau hadiah tersebut tidak diberi kepada yang layak ini bermakna segolongan daripada orang-orang Melayu telah menerima 'rasuah' daripada Baginda Queen. Barangkali, inilah jenayah pertama yang berlaku dalam sejarah politik orang-orang Melayu.

Tentu Britsih mempunyai sebab-sebab tertentu, sebab-sebab yang bermunasabah atau sebab-sebab menurut pepatah Melayu: Ada udang disebalik batu. Dalam dunia ini, belum pernah terjadi seperti apa yang berlaku di Tanah Melayu. Semua negara-negara yang dijajah berjaya mencapai kemerdekaan setelah darah anak watan gugur di Tanah Air sendiri.

Kesilapan besar telah menukar warna sejarah di Tanah Melayu. Kita silap memilih 'Bapa Kemerdekaan' yang sebenar-benarnya. Kita silap memilih parti yang bertanggungjawab memerdekakan negara. Kita telah silap mendukung panji-panji kemerdekaan sehingga akhirnya generasi muda menyesal dan sesalan itu tidak berguna lagi. Apakah rentetan peristiwa yang mendorong kepada penyesalan tersebut? Sama-samalah jika perhatikan siri wawancaranya seterusnya.

Di dalam catatan sejarah, parti-parti politik yang menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu selain daripada PKMM ialah Malayan Democratic Union, Malayan New Demokratik Youth League dan Malayan People Anti Japanese Ex Service Comraden' Assosiation yang direasapi oleh komunis. Apakah betul kenyataan ini dan apakah penjelasan lanjut mengenai peristiwa tersebut?

Semua parti kiri termasuk SEBERKAS yang dipimpin oleh Senu Abdul Rahman dari Kedah turut sama menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Anggota-anggota Malaysia New Demokratik Youth League kebanyakannya terdiri daripada kaum Cina.

Anggota-anggota Malayan Demokratik Union pula kebanyakannya terdiri daripada tenaga-tenaga 'profesional' seperti peguam engineer, doktor dan sebagainya. John Aber. A.Samad Ismail termasuk kepada pucuk pimpinan Malayan Demokratik Union.

Parti berhaluan kiri yang dinyatakan oleh sejarah sebagai penentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah Parti Komunis Malaya. Apakah betul kenyataan tersebut? Dinyatakan juga apabila PKM tidak berjaya menggagalkan rancangan PTM dengan cara mempengaruhi Parti-Parti politik yang sedia ada mereka telah mengishtiharkan perang gerila

menentang British. Apakah PKMM yang dianggotai oleh Imam turut serta dalam perang gerila serta beberapa siri sabotaj?

Semua parti menentang kerajaan termasuk PKM. Rancangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya untuk menentang Inggeris secara kekasaran melalui perang gerila memang ada. PKMM menyerahkan tugas ini kepada Angkatan Pemuda Insaf di bawah pimpinan Ahmad Boestamam. Langkah ini, bermakna PKMM tidak mengharapkan gerakan revolusioner itu dijalankan oleh Parti Komunis Malaya sahaja.

Malangnya, cadangan kita telah tidak dapat dijalankan oleh API apabila dharurat diishtiharkan segera oleh Inggeris pada tahun 1948. Ketika ini, pucuk pimpinan PKMM termasuk Ahmad Boestamam telah ditangkap oleh Inggeris.

Anggota-anggota PKMM yang tidak dapat ditangkap oleh Inggeris kemudiannya lari masuk hutan dan melancarkan perang terang-terangan dengan Inggeris.

Oleh yang demikian, kita tidak boleh menuduh mereka sebagai komini. Ini adalah kerana, tujuan mereka menentang Inggeris dari hutan itu lahir daripad jiwa yang tidak mahu tunduk kepada British.

Inggeris nampaknya telah mengishtiharkan dharurat setelah Parti berhaluan kiri menentang terus Perlembagaan Tanah Melayu 1948. Kita juga dapat sejarah memaparkan perundingan Baling antara Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng diishtiharkan keseluruh dunia. Apakah pertemuan tersebut dapat menyelesaikan segala kekusutan yang berlaku?

Orang British mengishtiharkan dharurat kerana mereka rasa akan kalah. Orang British sangka apabila anggota-anggota PKMM ditangkap; kejayaan mereka akan menyerlah. Inilah kebodohan British. British tidak dapat melihat walaupun kami ditangkap dan dimasukkan kepenjara; semangat kemerdekaan itu ditinggalkan keluar dan api kemarahan serta kebencian rakyat terhadap penjajah semakin menyala.

Setelah bertahun-tahun dharurat diishtiharkan gerakan berhaluan kiri tetap melawan pertuanan British. British rata-rata tertipu dengan bayangan mereka sendiri. Apabila peristiwa dharurat berlarutan kebanyakan daripada orang-orang Inggeris cuba menjual harta benda mereka di Malaya.

Mereka ini menyangka Parti Komunis akan menang dan mereka ini khawatir kalau-kalau harta peninggalan mereka nanti akan di nasionaliskan atau dimiliki kepada hak negara.

Perundingan Baling dijalankan kerana Inggeris tidak dapat berbuat apa-apa. Oleh yang demikian mereka menyerahkan kepada kebijaksanaan UMNO. Komunis bukan menentang UMNO tetapi menentang Inggeris; menentang penjajah. Pasal apa pula UMNO yang sibut membuat perundingan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kenapa perundingan Baling itu tidak berjaya.

Orang Melayu yang mati kerana menjadi anggota S.C ketika berperang dengan Komunis tidak perlu disedihkan kerana pasal apa pula mereka menjadi boneka British. Komunis mahu menentang British dan apabila mereka menjadi boneka British maka ramailah daripada mereka yang gugur dimedan perang.

Kalau kita lihat kepada perundingan Baling Tunku Abdul Rahman menggesa Parti Komunis Malaya menyerahkan diri kepada UMNO. Lojiknya, tentu Parti Komunis tidak bersetuju kerana yang ditentang bukan UMNO tapi British. Pasal apa pula Komunis mesti menyerah diri kepada UMNO.

Disinilah letaknya kebodohan UMNO itu. Komunis seterusnya tidak membunuh pemimpin-pemimpin UMNO tetapi membunuh atau menembak Sir Henry Gurney dan Manager-Manager Estate yang terdiri daripada orang-orang Inggeris. Kenyataan saya diatas adalah bermunasabah dan berasas.

Kemerdekaan yang ingin dicapai melalui penjajahan Inggeris hendaklah digerakkan dengan cara pertumpahan darah. Inggeris akan bertahan bertahun-tahun kalau kita minta merdeka cara mesyuarat sahaja.

BAB IV

DI AMBANG 45

Tahun 45 adalah tahun yang membawa sejarah dikalangan penduduk-penduduk Tanah Melayu. Pada tahun ini, Jepun telah berundur daripada Tanah Melayu dan British kembali semula memerintah dalam Pentadbiran yang dikenali sebagai British Military Administration atau singkatannya BMA.

Tahun 45 adalah tahun di mana berlakunya perubahan sikap dikalangan orang-orang Melayu terhadap British. Orang-orang Melayu telah mula sedar bahawa British tidak sekuat seperti yang dijangkakan. Apabila Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu sebelumnya dalam masa beberapa hari sahaja, orang-orang Melayu akhirnya telah hilang kepercayaan terhadap British.

Orang-orang Melayu lebh marah lagi terhadap British apabila penjajah itu menonjolkan sikap yang melampau dalam ertikata lain ingin menjadikan orang-orang Melayu ini sebagai patung. British dalam ertikata lain menjalankan dasarnya yang mengenepikan pertuanan Kesultanan Raja-Raja Melayu.

Diambang 45, lahirlah tokoh-tokoh politik yang bertanggungjawab menggadaika masa dan harta benda mereka untuk mengisi tuntutan iaitu 'MERDEKA'. Tokoh-tokoh ini dituduh oleh UMNO yang menjadi talibarut British sebagai 'Komunis'. Tokoh-tokoh ini dituduh oleh UMNO sebagai 'penderhaka'.

Benarkah mereka komunis? Benarkah mereka itu penderhaka? Kita tentu sudah dapat menilai pendirian tokoh-tokoh ini setelah kita meneliti wawancara yang dijalinkan dalam bab yang lalu. Walaubagaimanapun siapakah tokoh-

tokoh yang berjiwa luhur tersebut? Dan bagaimanakah latarbelakang penghidupan mereka? Untuk mengetahui sepin-tas lalu terhadap riwayat hidup mereka maka Imam Abdul Ma-jid Salleh telah menyingkap 'tirai di ámbang 45'.

Semasa pengolakkan politik menentang British dilan-carkan dengan gigih oleh anggota-anggota PKMM, bagaimana persaudaraan dan pergaulan mereka?

Anggota-anggota PKMM bekerjasama antara satu sama lain. Susah sama susah dan senang sama senang menjadi pen-dirian anggota PKMM pada waktu itu. Ketika PKMM mengadakan rapat umum, ramai dikalangan penyokong menghadhirinya walaupun terpaksa berjalan kaki atau menaiki basikal mahupun menaiki sampan.

Kedatangan mereka bukanlah untuk menghadiri majlis jamuan. Lagi pun, pada waktu itu, tidak ada sebarang jamuan makan ketika rapat umum dijalankan. Ketika ceramah dijalankan dan setelah selesai ceramah tersebut orang-orang perempuan sanggup menyerahkan rantai dan perhiasan emas sebagai derma khas kepada perjuangan.

Perbuatan mereka itu dapatlah diertikan bahawa rakyat memang benar-benar inginkan kemerdekaan. Mereka nam-paknya tidak mahu negara ini dijajah lagi oleh Imperialisme British.

Dikalangan pucuk pimpinan pula, tidak pernah timbul soal rebutkan jawatan dan sebagainya. Ketika kami berjumpa dimana sahaja perbualan yang dibincangkan hanyalah mengenai kemerdekaan Tanah Air. Persoalan kita pada waktu itu ialah macam mana nak capai kemerdekaan.

Pada pendapat saya, perundingan Baling itu hanya membuang masa sahaja. Pertemuan antara tokoh komunis dan Tunku Abdul Rahman itu hanyalah pertemuan yang sengaja ingin ditunjukan oleh komunis kepada dunia luar bahawa mereka lebih maju daripada Inggeris sendiri. Dalam pertemuan itu Chin Peng dikawal oleh anggota komunis yang bersenjatakan senapang moden. Chin Peng berpakaian kemas dan berwajah segar begitu jugalah dengan Rashid Maidin. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak susah atau menderita. Dan oleh yang demikian, ia merupakan satu tamparan kepada UMNO yang takut berjuang menentang penjajah.

UMNO dan Inggeris selepas terbentuknya PTM pada tahun 1948 menggariskan agar segala kegiatan politik Tanah Melayu hendaklah berasaskan kepada kerjasama antara kaum. Apa komen Imam terhadap kenyataan sejarah tersebut? Pada pendapat Imam kenapa UMNO bersikap demikian? Di manakah pendirian UMNO yang sebenarnya?

Ramai dikalangan manusia selalunya 'menjilat ludah sendiri'. Manusia jenis ini tidak ada pendirian. Waktu Malayan Union ramai dikalangan orang-orang Melayu menetang; ini adalah kerana mereka tidak mahu orang-orang Cina dan India turut campur dalam urusan sosial di Tanah Melayu.

Malangnya, apabila Inggeris menawarkan kemerdekaan, UMNO dengan cepat melatah dan menerima konsep kerjasama antara kaum. Tanpa mereka sedari, implikasinya orang-orang Melayu yang menjadi 'son of the soil' menanggung kerugian.

PKMM bukanlah anti kepada bangsa lain, tetapi dalam hal menerima mereka sebagai warganegara Tanah Melayu hendaklah mengikut undang-undang yang ketat atau dalam eritikata lain mengikut kehendak orang-orang Melayu seluruhnya. PKMM tidak mahu kerakyatan mereka disahkan oleh Inggeris ataupun menurut syarat penjajah yang longgar.

Penglibatan MCA atau MIC dalam soal politik di Tanah Melayu memang sepatutnya tidak sah kerana mereka bukan rakyat asal negara ini. Kalau dilihat kepada penubuhan Malayan Demokratik Youth League, Union Malayan Demokratik, MCA atau MIC mahupun penubuhan MPAJA pada perengkat permulaannya hanyalah penubuhan sosial bukan penubuhan politik.

Inggeris yang bertanggungjawab mengiktiraf pertubuhan tersebut kerana mahu supaya MPAJA misalnya menyokong mereka. Kalau boleh membantu mereka dalam segala hal. Jadi, sebagai membalsas segala kerjasama yang diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut maka Inggeris telah menghadiahkan mereka dengan mengiktiraf pertubuhan tersebut dan menggalakan mereka menyertai politik di Tanah Melayu.

UMNO mengharapkan kemerdekaan secara cepat dan bertolak ansur. PKMM juga mengharapkan kemerdekaan secara cepat tetapi bukan dengan cara bertolak ansur dengan penjajah. PKMM mahu British cepat keluar dari Tanah Melayu.

Pada tahun 1949, Dato Onn (Pemimpin UMNO ketika itu) mencadangkan supaya membentuk Jawatan Kuasa Perhubungan Antara Kaum (Comunal Liaison Committee). Jawatan kuasa ini dengan kerjasama Tan Cheng Lock dan E.C Thuraisingam ditubuhkan untuk perpaduan kaum di

Malaysia. Siapakah Tan Cheng Lock dan E.C Thuraisingam dan kenapa mereka di pilih mewakili kaum Cina dan India. Di manakah letaknya pendirian dua tokoh tersebut dalam hal cadangan Dato Onn tersebut?

Tan Cheng Lock itu adalah bapa kepada Tan Siew Sin bekas Menteri kewangan, Malaysia. Tan Cheng Lock sebenarnya orang Cina suku Hokkien. Beliau begitu" masyhur dikalangan masyarakat Cina. Walaubagaimanapun bukanlah semua orang Cina yang menyokong beliau.

Saya menyatakan bukan semua orang Cina menyokong beliau kerena masyarakat Cina mempunyai semangat kesukuan. Mereka begitu fanatik terhadap puak masing-masing. Oleh kerana Tan Cheng Lock satu-satunya yang pandai berbahasa Inggeris dan berwibawa maka beliau telah dilantik mewakili masyarakat Cina dalam Comunal Liaison Committee).

Pada masa dahulu, sistem memilih pucuk pimpinan ini sebenarnya 'dipilih dulu dan diakui kemudian' bukan seperti hari ini 'diakui dulu dan dipilih kemudian'. Oleh yang demikian begitulah caranya Tan Cheng Lock mahupun E.C Thuraisingam itu dilantik.

Tan Cheng Lock and E.C Thuraisingam masing-masing menerima dengan tangan terbuka atas cadangan Dato Onn tersebut. Ini adalah kerana cadangan tersebut, menyentuh kepentingan kaum masing-masing.

Pada pendapat Imam kenapa Dato Onn yang mewakili UMNO sanggup melonggarkan soal kerakyatan kaum Cina dan India dalam undang-undang CLC tersebut?

Tujuan Jawatan Kuasa Perhubungan Antara Kaum, sebenarnya untuk mententeramkan hubungan antara kaum di

Tanah Melayu. Dato Onn kalau dilihat kemudiannya telah menubuhkan Independent Malayan Party. Pada masa Dato Onn menubuhkan IMP ini, orang-orang Cina dan orang-orang India telah digesa supaya memakai songkok dan mengikut adat kebudayaan Melayu. Dato Onn mahu agar kaum Cina dan India di nasionaliskan.

Pendapat beliau telah ditentang oleh orang-orang UMNO sendiri. Datuk Panglima Bukit Gantang juga turut menentang cadangan Dato Onn itu.

Pada tahun 1952, Tunku Abdul Rahman Petra telah dipilih oleh UMNO menggantikan jawatan Dato Onn sebagai pemimpin UMNO yang baru. Tidakkah ada tokoh lain yang boleh dipilih selain Tunku dan kenapa Tunku Abdul Rahman dilantik?

Tunku Abdul Rahman belajar di England selama dua puluh tahun lebuh. Pada masa itu memang kurang benar orang yang belajar di England seperti Tunku Abdul Rahman.

Tunku Abdul Rahman adalah anak Raja. Beliau begitu fasih berbahasa Inggeris, maklumlah beliau tinggal di England dalam masa 20 tahun lebuh. Lidah Tunku Abdul Rahman lebuh daripada lidah orang Inggeris lagi.

Oleh yang demikian, maka ramailah orang-orang UMNO bersetuju melantik Tunku sebagai President UMNO menggantikan Dato Onn.

Untuk selanjutnya, kita ingin mengetahui perihal kehidupan Karim Bakar dan penglibatannya dengan PKMM?

Karim Bakar memanglah diakui sebagai anggota PKMM dan pernah bersama-sama PKMM berjuang menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Beliau adalah golongan terpelajar yang lulus 'Senior Cambridge'. Walaupun beliau

Lulus Senior Cambridge pada waktu itu, hingga sekarang ini beliau tidak memegang satu jawatanpun dengan kerajaan. Sepatutnya dengan kelulusan tersebut beliau boleh diterima bekerja dalam kelas 'division One'.

Sudah terbayang diruang fikiran anggota PKMM pada waktu itu betapa anak bangsa akan senyum bahagia menikmati kemerdekaan yang bakal tercapai. Tergambar diruang fikiran bagaimana orang-orang Melayu maju dalam tiap aspek kehidupan. Tergambar diruang fikiran, melihat ramai di kalangan anak-anak Melayu yang dapat memperolehi ijazah di Menara Gading atau di Institusi Pengajian tinggi.

Soalan seterusnya ialah perihal kehidupan satu persatu tokoh-tokoh Parti Kebangsaan Melayu Malaya; bagaimanakah latarbelakang kehidupan tokoh pertama kita iaitu Tan Sri Abdullah Ayob bekas Setiausaha Negara?

Abdullah Ayob adalah salah seorang anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya mewakili Negeri Perak. Beliau berpendidikan barat dan bolehlah kita katakan sebagai 'English Educated'.

Abdullah Ayob adalah salah seorang anggota PKMM yang dapat menikmati 'kemerdekaan Tanah Air'. Oleh kerana beliau berpendidikan maka beliau telah menggunakan kepandaian itu untuk mengisi kemerdekaan negara ini.

Karim Bakar pernah memasuki tahanan politik dan latar belakang penghidupannya yang saya tahu bukanlah terdiri daripada anak orang kaya. Semasa saya ditahan bersama beliau, saya tidak pernah nampak saudara maranya menghantar duit buat belanja atau membantu meringankan bebaninya.

Karim Bakar berasal daripada Negeri Melaka.

Nama Ishak Hj. Muhammad begitu terkenal sehingga hari ini, Sumbangan beliau dalam bentuk penulisan tidak asing lagi hingga menjadi bahan pengkajian sejarah. Bagaimanakah latarbelakang penghidupan Ishak Hj. Muhammad dan bagaimana pula hubungan perjuangan beliau dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya?

Ishak Hj. Mohd. Berasal daripada Temerloh, Pahang. Beliau pernah ditahan oleh British dan pada waktu itu memang kebanyakan daripada orang-orang yang ditahan oleh penjajah berasal daripada Pahang.

Ishak Hj. Muhammad adalah termasuk kepada pemimpin-pemimpin utama Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Beliau adalah orang terpelajar. Oleh yang demikian, beliau rajin menggunakan kepandaianya dengan menulis buku-buku dalam bentuk novel dan karya deskriptif seperti 'anak Mat Lela Gila' atau 'Putera Gunung Tahan'.

Ishak Haji Muhammad bukanlah golongan 'sasterawan wartawan' seperti yang didakwa oleh setengah pihak pada hari ini. Sebabnya, beliau lebih mendekati diri sebagai seorang penulis. Memang tidak kita nafikan bahawa beliau memang tinggi ilmu pengetahuannya, lebih-lebih lagi terhadap sastera Inggeris.

Ishak Haji Muhammad adalah seorang penulis dan kewibawaan seorang penulis itu memang wujud pada diri beliau. Beliau seorang manusia yang sensitif kepada tiap isu

semasa. Perbicaraan beliau dengan rakan-rakan pun selalunya sering di isi dengan kritikan-kritikan yang bernas.

Pak Sako atau Ishak Hj. Muhammad secara peribadinya tidak gemar berjalan laju. Kalau diperhatikan cara beliau berjalan memang tidak ada sesiapa yang iku 'stail' dia. Beliau sering berhenti dan mendongak kesana kemari setelah berjalan dua atau tiga langkah.

Selain daripada itu, Pak Sako ini, memang gemar bersempbang di kaki lima atau dikedai-kedai kopitiam. Isi perbualan beliau ketika bertemu kawan-kawannya dikaki lima itu ialah kritikan terhadap isu semasa.

Perwatakan yang ditonjolkan secara peribadi oleh Pak Sako ini bukanlah perwatakan seorang pemimpin. Yang dikatakan pemimpin itu sebenarnya tidak menyindir sesiapa. Ishak Haji Muhammad tidak pandai berjenaka atau tidak juga 'serious' sangat. Beliau yang saya tahu bukanlah seorang yang menonjolkan sikap keegoan.

Pak Sako tidak marah kalau ada orang yang mengkritik dia. Perangai Pak Sako ini samalah seperti Abdullah C.D. Kalau ada pun orang yang mengkritik Pak Sako; beliau sering melontarkan tertawa panjangnya sahaja.

Kita telah mengetahui serba ringkas mengenai Ishak Hj. Muhammad atau Pak Sako. Sekarang kita ingin mengetahui latar belakang penghidupan Ahmad Boestamam pula. Bagaimanarfa keterangan mengenai beliau?

Pak Sako dapatlah dikategorikan sebagai tokoh yang berada dalam 'angkatan tua' sedangkan Ahmad Boestamam itu dalam 'angkatan muda'.

Ahmad Boestamam berwajah 'serious'. Namun demikian beliau bukanlah orang yang sompong. Secara peribadinya Ahmad Boestamam ini, sering tidak bersetuju dengan pendapat orang lain. Sikap yang begini, bukanlah bermakna beliau tidak mahu mendengar pendapat orang lain tetapi inilah caranya beliau mencari akal atau mengasah fikirannya.

Semasa Ahmad Boestamam ditahan oleh British dalam Kem tahanan beliau selalu main badminton bersama rakan-rakannya yang lain seperti Rusdin Yaakob, Harun dan lain-lain. Pada zaman mudanya, Ahmad Boestamam memang layak menjadi 'Jeneral'. Beliau mempunyai 'stail' tersendiri. Ram-butnya disikat begitu unik. Beliau juga bertubuh sasa dan tegap.

Perlantikan Ahmad Boestamam sebagai Ketua Angkatan Pemuda Insaf memanglah sesuai. Ini adalah kerana beliau tidak pandai memberi ucapan yang berpanjang jela tetapi beliau begitu pandai membangkitkan semangat orang lain supaya marahkan Inggeris.

Angkatan Pemuda Insaf atau singkatnya API dibawah pimpinan Ahmad Boestamam pernah menjadi bahan fitnah oleh puak-puak UMNO. Saya masih ingat lagi, pada waktu itu UMNO telah memberitahu kepada Inggeris bahawa maksud API yang sebenarnya ialah Angkatan Pembunuhan Inggeris.

Oleh yang demikian, akibatnya API telah diharamkan Inggeris. Memang sebenarnya API diharamkan dahulu. Selepas API diharamkan maka PKMM pula menjadi mangsa yang kedua.

Setelah kita meneliti secara ringkas mengenai latar belakang penghidupan dan perjuangan Ahmad Boestamam maka kini kita alehkan perhatian kita kepada tokoh yang terkemuka iaitu

Dr. Burhanuddin Al Helmi. Dapatkah Imam terangkan latar belakang penghidupan dan perjuangan beliau?.

Dr. Burhanuddin hidup berpindah randah dari satu tempat ketempat yang lain. Beliau tidak memiliki sebarang baju. Semua baju yang dimiliki oleh beliau adalah daripada pemberian kawan-kawannya.

Secara jujur saya katakan, kasut Dr. Burhanuddin itu pun dibelinya di Sungai Rd. Singapore saja, tarafnya samalah seperti kasut 'belakang Loken' sahaja. Dr. Burhanuddin ketika bertemu saya dan rakan-rakan lain sering menceri tahan kisah-kisah perjuangan dan kisah-kisah pengalamannya di India ataupun di Indonesia. Beliau berbicarakan dengan lembut.

Dr. Burhanuddin tidak pernah kelihatan marah ataupun merampus. Beliau sering berwajah tenang sahaja. Dr. Burhanuddin tidak pernah meninggalkan sembahyang. Sampai sahaja waktu sembahyang beliau akan berhenti sembahyang walaupun dibelakang kedai mamak. Pernah saya lihat Dr. Burhanuddin sembahyang dengan menggunakan kertas surat khabar sebagai sejadah dan sembahyang dibelakang kedai sahaja.

Ketika itu beliau tidak memberitahu saya yang beliau hendak sembahyang. Beliau cuma beritahu nak kebelakang sahaja. Setelah negar mencapai kemerdekaan Dr. Burhanuddin pernah kena penjara sekali lagi dipenjara Batu Gajah. Pada waktu itu Malaysia dipimpin oleh Tun Abdul Razak.

Penangkapan tersebut, kerana Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam Haji Ishak dan beberapa orang lagi hendak menubuhkan kerajaan buangan.

Untuk meneruskan perbincangan kita terhadap kehidupan tokoh-tokoh PKMM maka kini kita sampai kepada tokoh yang

selanjutnya iaitu Shamsuddin Salleh. Beliau memang tidak dinasikan sebagai penulis veteran yang banyak menghasilkan karya penulisan dan juga merupakan pendokong utama pergerakan politik mencapai kemerdekaan dari tangan penjajah. Dapatkah Imam menceritakan serba sedikit riwayat hidup beliau?

Shamsuddin Salleh adalah tokoh yang terlibat secara langsung dengan Gabungan Kesatuan Kaum Buruh dan juga Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Shamsuddin Salleh adalah penulis yang masyhur dalam beliau sudah menjadi penulis sejak zaman hidupnya Abdul Rahim Kajai lagi. Shamsuddin Salleh pernah menulis lebih 100 novel dan pernah tinggal diserata tempat. Beliau juga pernah menjadi wakil akhbar Utusan Melayu.

Shamsuddin Salleh pernah membuat report kegiatan Tan Melaka. Walau bagaimanapun, beliau bukanlah kominiis seperti Tan Melaka. Beliau pernah menjelajah keluar negeri sampai ke Hong Kong.

Shamsuddin Salleh ketika melibatkan diri dengan Gabungan Kesatuan Kaum Buruh sering menetapkan dirinya ke Johor. Saya pun tidak mengerti kenapa beliau memilih Johor. Tetapi, begitulah sikap yang dibawa oleh Shamsuddin Salleh.

Shamsuddin Salleh dari segi personalitinya seorang yang cepat melenting atau dalam ertikata lain cepat marah. Beliau yang saya tahu memang seorang yang bijak. Kebijakan beliau itu contohnya yang dapat saya ingat ialah ketika orang mengeluarkan hujjah beliau dengan pantas boleh memotong cakap orang itu. Cara macam ini selalunya digunakan oleh peguam sahaja.

BAB III

PERTARUNGAN YANG MENENTUKAN

Dalam perjuangan ada pertarungan. Dan dalam pertarungan itu ada pengorbanan. Tiap pertarungan pasti berakhir dengan dua 'resolusi' iaitu kalah atau menang dan mati atau hidup.

Demikianlah dunia perjuangan. Sementara yang menentukan adalah Allah S.W.T. Segala takdir berada dipundaknya: telah tertulis sejak azali lagi. Kesenangan atau kesusahan, sakit atau sihat, menang atau kalah, mati atau hidup semuanya terhimpun kepada kebijaksanaan Allah jua.

Manusia sekadar memenuhi warna kehidupan. Manusia sekadar memenuhi rintihan rasa; marah, benci, dendam, luhur, insaf, iri hati, tamak, murah hati dan sebagainya. Demikianlah tabi'i manusia. Dan tabi'i itu terhimpun kepada rahsia Allah jua.

Oleh kerana demikian sifat manusia maka tergolonglah manusia kepada dua golongan. Dan daripada dua golongan tersebut terbentuk pula dua persimpangan. Golongan pertama kerjanya menjadi manusia yang sentiasa berjuang membuat kebajikan dan mengajak orang lain membuat kebajikan dan mengajak orang lain membuat kebajikan seperti dirinya. Golongan kedua pula, asyik menentang dan iri hati terhadap golongan manusia yang pertama.

Daripada fenomena ini lahirlah dua persimpangan iaitu pertarungan yang akhirnya membawa akibat seperti kalah atau menang dan mati atau hidup. Benar atau tidaknya kenyataan penulis di atas; dapatlah dilihat, diteliti dan dikaji pada wawancara selanjutnya.

Dr. Burhanuddin, Abdullah C.D, Ibu Zain dan Salleh Daud dipaparkan oleh sejarah membuat lawatan ke India dan Burma sebelum tercapainya kemerdekaan. Apakah maksud pemergian mereka dan apakah rakaman peristiwa yang berlaku di sana?

Mereka sebenarnya pergi menyertai mesyuarat khas yang dikenali sebagai Asian Relation Conference pada tahun 1947.

Salleh Daud ketika itu bertugas sebagai wartawan dan pemergian beliau itu sebenarnya untuk membuat liputan khas.

Menurut cerita Abdullah C.D, panggilan talifon tidak putus-putus mengbubungi beliau dan panggilan-panggilan ini dibuat oleh perisik-perisik Antarabangsa. Dr. Burhanuddin memberikan ucapan dihadapan beribu-ribu rakyat India dan Burma. Ibu Zain pula menterjemahkan ucapan beliau itu kedalam Bahasa Inggeris.

Tujuan Ibu Zain kesana, sebenarnya untuk memberitahu dunia bahawa di Malaysia wanita setua Ibu Zain pun pandai berbahasa Inggeris atau dalam istilah lainnya 'Well English Educated'. Ketika Ibu Zain berumur dalam lingkungan 50 tahun.

Rombongan Dr. Burhanuddin ke India dan Burma itu sebenarnya untuk mendapatkan 'moral support' daripada rakyat luar negeri bagi mengakui perjuangan kemerdekaan yang dituntut oleh rakyat Tanah Melayu.

Malangnya, setelah Dr. Burhanuddin, Ibu Zain, Abdullah C.D dan Salleh Daud pulang ke Tanah Melayu ada dikalangan orang-orang Melayu yang memusuhi pergerakkan PKMM telah membuat fitnah yang menyatakan bahawa Dr. Burhanuddin ini hendak kahwin dengan Ibu Zain. Ini adalah

fitnah yang sengaja digunakan oleh musuh PKMM untuk mengaburkan penglihatan rakyat terhadap kebenaran yang nyata.

Pemergian Dr. Burhanuddin bukanlah berdua dengan Ibu Zain tetapi pemergian beliau berempat. Saya masih ingat, ada juga orang yang membawa fitnah Dr. Burhanuddin dah kaya selepas kemerdekaan. Semuanya ini adalah tektik kotor musuh-musuh kita.

Sekarang saya ingin mengajukan soalan yang menyentuh mengenai sumbangan golongan sasterawan dalam menyampaikan kritikan mereka melalui karay-karaya sastera terhadap penjajah Inggeris. Siapakah yang bertanggung jawab dalam hal tersebut?

Rata-rata anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya memang boleh menulis. Keris Mas atau Kamaludin Muhammad misalnya merupakan anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang bergiat dalam menyuarakan kritikan melalui hasil karya sasteranya. Jamil Sulaiman dan Cikgu Harun Aminul Rasyid adalah diantara anggota-anggota PKMM yang bergiat menulis.

Ada juga penulis-penulis sajak kabur yang susah di fahami oleh masyarakat kemudiannya pun menonjol-nonjolkan diri sebagai pejuang kemerdekaan. Walaubagaimana pun, sajak-sajak Khairil Anuar (Angkatan 45 Indonesia) sering menjadi bahan ikutan mereka. Apabila Khairil menulis sajak-sajak perjuangan menentang kekejaman penjajah; mereka pun turut serta menulis sajak-sajak perjuangan menentang penjajah. Malangnya, apabila Khairil menulis sajak yang orang lain boleh faham; mereka menulis sajak yang orang lain tidak boleh faham Khairil Anuar menulis sajak hasil perit getir dirinya berjuang sedangkan mereka menulis sajak yang di cedok dari ilham mereka yang berada di luar suasana perjuangan. Oleh yang demikian sajak-sajak mereka tidak mempunyai kekuatan seperti sajak-sajak Khairil Anuar.

Pada kesimpulannya, isi sajak-sajak mereka tidak dapat difahami oleh penjajah. Setelah negara mencapai kemerdekaan sebahagian besar daripada mereka memberitahu kepada orangramai bahawa mereka pun berjuang menuntut kemerdekaan. Tetapi yang diperjuangkan oleh mereka adalah perjuangan melalui sajak kabur. Sedangkan anggota-anggota PKMM lainnya berjuang di hujung senapang.

Sebahagian besar di antara mereka hingga ke hari ini cuba pula memberitahu kepada masyarakat bahawa mereka lahir pejuang bangsa. Apa yang saya ketahui perjuangan mereka hanyalah sekadar menukar beberapa perkataan Inggeris kepada Bahasa Melayu.

Contohnya, perkataan-perkataan organisasi, toleransi, dan lain-lainnya dicampur adukkan dengan Bahasa Malaysia yang tulin. Inikah perjuangan mereka?

Semasa Imam menyertai PKMM, apakah isu semasa yang selalu dibincangkan dikalangan anggota?

Kami sering membincangkan mengenai aktiviti perjuangan: tektik perjuangan dan cara untuk mengisi kemerdekaan negara sekiranya tercapainya kemerdekaan.

Pada waktu itu, yang menyokong penggerakan PKMM adalah terdiri daripada rakyat yang buta huruf, orang kampung dan orang miskin. Orang-orang bijak pandai dan orang-orang kaya tidak hiraukan perjuangan. Mereka seperti yang telah saya nyatakan terlena dengan mimpi indah. Mereka terlena dengan mimpi disiang hari.

Seorang penulis majallah tempatan pernah menceritakan kisah misteri Mat Indera. Adakah beliau termasuk anggota PKMM?

Mat Indera itu nama sebenarnya, Mohammad bin Indera. Beliau ialah seorang guru sekolah ugama dan tinggal di Muar. Orangnya tinggi dan kurus semetara perangainya pula suka melawak. Kalau dilihat kepada perwatakananya siapapun tidak menyangka bahawa beliau berani mengangkat senjata menentang penjajah Inggeris. Mat Indera adalah setiausaha PKMM memwakili Muar dan juga merupakan setiausaha pergerakan Gabungan kesatuan kaum Buruh di Muar. Beliau rupanya merupakan penentang Inggeris nombor satu dalam peristiwa 'Bukit Kepong'.

Peristiwa Bukit Kepong berlaku antara orang-orang Melayu yang menjadi atau menganggotai polis British; semetara Mat Indera adalah pejuang-pejuang kemerdekaan yang bencikan penjajah termasuklah mereka yang menjadi sekutu-sekutu penjajah. Mungkin pada hari ini masyarakat menganggap beliau sebagai pengkhianat. Mungkin juga pada satu masa nanti orang menganggap beliau sebagai wira dan sebagainya. Perkara ini tidak mustahil kerana Kamal Atartuk mendapat gelaran tersebut ketika masyarakat memujanya dan sekarang ini ramai orang Islam memaki dan menghina beliau dan menuduh beliau sebagai 'Pembunuh Islam'.

Mat Indera terlibat dalam satu siri serangan terhadap Balai Polis Bukit Kepong. Beliau dan kumpulannya berjaya menawan Balai Polis tersebut. Malang sekali bagi Mat Indera kerana akhirnya beliau telah berjaya ditangkap oleh orang-orang Melayu setelah diberi minum kopi campur Daun Kecubung.

Mat Indera bukanlah komini. Saya berpendapat Mat Indera sendiri tidak tahu menahu idoloji komini. Beliau barangkali menyertai pergerakan itu kerana bencikan penjajah.

Sebabnya penjajah berasal daripada kaum Modal ataupun dikenali juga sebagai 'Kapitalis'. Kapitalis adalah kumpulan

pemodal yang menaburkan saham terbesar dimerata ceruk rantau walaupun dinegeri orang lain dan bertujuan untuk memperolehi keuntungan sehingga akibatnya boleh menindas orang lain.

Jadi Kapitalis berada dalam kuasa Imperialisma sementara Kuasa Imperialisma pula melindungi kapitalis. Inilah yang disebut-sebut orang sebagai penjajah. Menurut Islam, orang-orang Islam memang wajib menentang penjajah-penjajah itu. Firman Allah: Hai orang beriman "janganlah kamu ambil orang yang tidak beriman itu menjadi pemimpin kamu kecuali orang-orang mukmin".

Kalaular perjuangan Mat Indera itu menepati dalil di atas atau dalam ertikata lain ikhlas dan kerana Allah ta'ala maka kematiannya ditali gantung itu adalah 'syahid'. Saya tidak percaya Mat Indera menganut faham kominis. Kominis pun tidak bersefahaman antara sata sama lain. Kominis terbahagi kepada dua iaitu: Bolshevik Kominis dan Menshevik Kominis atau pun Red Kominis dan White Kominis.

Bukanlah mudah untuk orang-orang Melayu menerima Islam yang berpecahbelah itu. Mungkin ada yang mengaku bahawa dia anggota komunis. Itu betul, tetapi dari segi idelojinya benarkah dia komunis. Begitulah halnya yang berlaku terhadap Rasyid Maidin, Abdullah C.D. Musa Ahmad dan kisah Mat Indera yang baru sahaja saya ceritakan sebentar tadi.

British memang sentiasa menuduh orang komunis lebellebih lagi kalau orang itu menentangnya. Ini semua adalah jalan yang ingin mengaburkan pandangan masyarakat. Inilah tekitik penjajah. Demikianlah beberapa penerangan ringkas yang saya tahu mengenai Mat Indera yang telah diceritakan oleh orang-orang Muar kepada saya.

Telah terlalu banyak pengorbanan yang telah dipasrahkan oleh anggota-anggota PKMM mahupun PKM demi memenuhi tututan kemerdekaan. Mereka dikatakan telah ditangkap dan di masukkan dalam tahanan. Dalam ingatan dan pengetahuan Imam siapakah yang pernah ditahan oleh British pada waktu itu? Siapakah yang bertanggungjawab menyusun tekitik tersebut?

PKMM adalah Parti Kebangsaan Melayu Malaya. PKM adalah Parti Komunis Malaya. Dalam bahasa Inggeris PKM adalah MCP atau Malayan Communist Party. PKMM dan PKM berlainan. PKMM dan PKM bukan bergabung atau dibawah satu sayap. Namun demikian PKM dan PKMM adalah parti yang menentang British. Kedua-dua parti menjalankan tugas masing-masing untuk memperolehi kemerdekaan.

Anggota-anggota PKMM memang ramai yang ditangkap oleh British. Tetapi, anggota PKM tidak ramai kecuali Rasyid Maidin sahaja.

British memang menumpukan perhatian mereka kepada kedua-dua parti. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kepada kita kenapa Wak Ranu dari Labis yang tidak salah apa-apa pun ditangkap oleh British. Wak Rano bukan terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dengan pergerakan PKMM. Kesalahan beliau hanyalah kerana mempamirkan gambar saya di rumahnya.

Inilah contohnya, yang boleh diambil terhadap penumpuan Inggeris yang begitu serious kepada PKMM amnya dan Gabungan Kesatuan Kaum Buruh khususnya. Kebanyakannya dari pada penghuni tahanan politik itu asalnya ialah orang-orang Pahang. Mereka datang

kebanyakannya daripada Temerloh, Pahang. Memang pada waktu itu, Temerloh menjadi pusat pergerakan kaum Buruh mahu pun PKMM.

Selain daripada orang-orang Pahang sepertimana yang saya nyatakan di atas; orang-orang dari negeri-negeri lain di Seluruh Semenanjung juga turut ditangkap. Saya cuma dapat menegaskan disini bahawa, kebanyakannya daripada golongan bijak 'pandai samada 'Islamic Intellectual' ataupun 'kaum guru' rata-rata menjadi penghuni 'Kem Tahanan' pada masa itu. Ini adalah kerana, mereka lahir yang selalunya mencelikkan mata rakyat terhadap kebiadapan penjajah.

Penangkapan anggota-anggota PKM mahupun PKMM sebenarnya berpunca daripada pengishtiharan dharurat 1948. British lah yang bertanggung jawab menyusun tekitik penangkapan. Oleh yang demikian, maka beberapa kalangan pucuk pimpinan PKMM telah ditangkap di bawah 'warrant of arrest'.

Penangkapan anggota-anggota PKMM di perengkat ranting atau cawangannya bukanlah di bawah 'warrant of arrests' tetapi kebanyakannya mereka ditangkap kerana ada orang yang 'sakit hati', ingin membalas dendam, khianat dan sebagainya. Ada golongan tertentu yang cuba mencari kesempatan ini untuk melepaskan perasaan tidak puasa hati mereka kepada anggota-anggota PKMM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam arena perjuangan.

Seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa ada golongan orang-orang Melayu yang terdiri daripada Ulamak telah turut ditangkap. Contohnya Ustaz Abdul Bakar Bakir, Pengetua Yahya Assharif Gunung Semanggol juga turut ditangkap oleh

British. Beberapa golongan cendiakawan Islam juga turut terlibat dalam siri penangkapan tersebut.

Walau bagaimana pun ada juga beberapa orang yang menganggotai PKMM seperti Dato Asri, Ibrahim Fikri dan Mohd. Ibrahim dan lain-lain yang tidak ditangkap oleh British. Saya juga sehingga kini merasa hairan kenapa mereka tidak ditangkap. Rahman Talib juga tidak ditangkap. Ini adalah rahsia mereka dan saya sendiri tidak mahu tahu kenapa mereka tidak ditangkap.

Seorang lagi tokoh yang begitu penting dalam kareer politik saya dan menjadi guru politik saya yang tidak ditangkap oleh British. Beliau ialah Ismail Kali. Ismail Kali adalah orang penting dalam PKMM kerana beliau bertindak sebagai penghubung antara kegiatan politik Malaysia Indonesia. Pada mulanya segala rentetan peristiwa semasa yang berlaku di Indonesia sentiasa menjadi bahan bual beliau kepada kami di Malaya pada ketika itu.

Apakah kegiatan-kegiatan kebajikan yang dijalankan dalam Kem tahanan?

Penghuni-penghuni tahanan rata-rata kelihatan resah gelisah. Suasana tenang sahaja dan tidak ada sebarang kegiatan yang bebas seperti diluar tahanan. Oleh yang demikian, kami telah menutuskan untuk menjalankan aktiviti sosial yang berfaedah.

Daripada kerjasama semua pihak, maka masa yang terbuang begitu sahaja telah diisi dengan beberapa siri kuliah. Antaranya ialah: mengwujudkan kelas bahasa, kelas ugama dalam pelajaran tafsir Al Quran, kelas bahasa Inggeris, bahasa Arab dan yang terutamanya bagi mereka yang berminat menjadi penulis akan diajar oleh anggota-anggota PKMM yang memang handal dalam bidang penulisan.

Anggota-anggota PKMM yang terdiri daripda bekas guru dijemput mengajar dan mengelolakan kelas bahasa Melayu dan penekaan diberikan kepada mereka yang buta huruf. Begitu jugalah bagi mereka yang ingin mendalamkan pengetahuan Bahasa Inggeris maka guru-guru tersebut bertungkus lumus mengajar bahasa Inggeris. Guru-guru Agama seperti Abu Bakar Bakir dan orang-orang seumpamanya, giat mengelolakan kelas mentafsir Quran.

Cikgu Arifin, Cikgu Osman, Cikgu Mohd. Din dan beberapa orang lagi terlibat dalam mengajar Bahasa Melayu. Ustaz Baharuddin Tahir dan Ustaz Abu Bakar Bakir terlibat dalam mengelolakan kelas ugama. Pelajaran yang diajar termasuklah pelajaran tasyaaf moden karya HAMKA, penjelasan Al Hadith dan Al Quran.

Aktiviti lain yang dijalankan ialah permainan sukan seperti bermain badminton, boling ball, catur dan sebagainya. Yang menjadi guru catur pada masa itu ialah Ahmad Boestamam. Kesimpulannya, semua penghuni tahanan mesti terlibat dalam aktiviti tersebut. Bagi mereka yang tidak terlibat kerana sengaja tidak mahu terlibat maka, kami akan memulaunya.

Apabila sampai waktu untuk makan tengahhari maka semua penghuni tahanan, menikmati makanan yang memang tidak sanggup tekak untuk menelannya. (Kami diberikan kanji yang dicampur dengan ayam. Pada mulanya agak keberatan juga tekak saya untuk menelaninya tetapi oleh kerana tidak ada makanan lain maka telan jugalah.

Bagi mereka yang ada dikunjungi keluarga setiap minggu, dapatlah menikmati makanan yang enak-enak dan yang menyelerakan. Saya tidak pernah dikunjungi oleh

keluarga mahupun sahabat handai cuma ada sekali saja isteri saya mengunjungi saya semasa di Majidee. Jadi, terpaksa menerima segala takdir itu dengan hati yang tenang dan berserah kepada Allah S.W.T.

Rasyid Maidin, anggota Parti Kominis Malaya dikatakan pernah menumbuk Inggeris di Kem Tahanan Tanjung Beruas, Melaka. Bagaimanakah perihal peristiwa tersebut?

Memang benar seperti yang saudara nyatakan. Ketika itu saya sendiri berada di Kem Tanahan yang sama. Walau bagaimanapun saya berada di block lain. Punca pergaduhan tersebut sebenarnya berlaku diperbarisan anggota-anggota tahanan. Orang-orang yang memasuki tahanan diwajibkan berbaris tiap-tiap pagi. Jadi, pada satu pagi tiba-tiba Pengawas Penjara yang berbangsa Inggeris telah marah dan berlaku kasar dengan Rasyid Maidin. Mungkin kerana tidak dapat mengawal perasaan marah Rasyid terus menumbuk pengawas tersebut dan berlakulah pergelutan yang disaksikan oleh para tahanan.

Dalam pergelutan itu, Rasyid telah berjaya mengalahkan pegawai British itu. Rasyid memang handal ‘boxing’. Kehandalan Rasyid tersebut menjadi buah mulut para penghuni Kem Tahanan. Diakhir peristiwa pergaduhan antara Rasyid dan pengawai British tersebut, saya masih ingat Rasyid berkata ‘I have been six month in England, I never seen such people like you.....you’re a cowboy’.

Rasyid Maidin dikatakan telah berjaya melepaskan diri daripada Kem Tahanan, bagaimana peristiwa ini boleh berlaku?

Memang benar bahawa Rasyid Maidin telah berjaya melepaskan diri daripada Kem Tahanan Tanjung Beruas, Melaka. Kejayaan beliau itu tidak perlu di hairangkan kerana begitulah tabiat dan kelebihan Rasyid yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun. Taktik yang digunakan itu, lahir

daripada fikiran dan hati yang matang dan cekal.

Rasyid pada satu hari, mendengar khabar bahawa salah seorang pengawai British sedang mencari dikalangan orang-orang tahanan yang pandai atau mahir membuat kerja sebagai Draf Men. Apabila pegawai British itu datang ke Kem Tahanan, Rasyid tidak melepaskan peluang dan menawarkan diri untuk menjalankan tugas tersebut.

Tindakan pegawai British tersebut sebenarnya untuk menjimatkan upah tenaga pekerja bagi mempersiapkan Barrack S.C. Upah yang dibayar kepada para tahanan ialah 75 sen sahaja sehari. Ekoran daripada persetujuan Rasyid itu, maka beliau telah dipersetujui untuk menjalankan tugas seperti yang dikendaki.

Pada hari pertama, Rasyid telah dibawa oleh salah seorang polish berpangkat sarjana, dengan menggunakan jip. Selang beberapa hari kemudian, kelihatan Rasyid pula yang menjadi pemandu dan membawa pegawai British tersebut keluar penjara dan meneruskan kerja seperti biasa.

Rasyid telah menggunakan kesempatan itu, barangkali untuk mencari jalan keluar yang selamat. Anggota Kem yang lain tidak tahu maksud sebenarnya. Ramai dikalangan penghuni kem tahanan yang marah terhadap sikap terbuka Rasyid yang sanggup berkerja sama dengan penjajah.

Mereka menuduh Rasyid sebagai pembelot. Ada juga yang perli terhadap penyertaan Rasyid dalam gerakan puak kiri menentang penjajah sebagai perbuatan yang sia-sia dan tidak berguna. Macam-macam pandangan orang-orang tahanan yang berupa kecaman dan penghinaan terhadap Rasyid kerana beliau membantu British menyudahkan kerja membina bangunan tersebut.

Hari berganti hari dan bulan berganti bulan. Saya dan lain-lain penghuni tahanan telah mendapat tahu bahawa kami akan ditukarkan ke Kem Tahanan di Ipoh. Saya rasa, ieben kurang dua hari sebelum kami dipindahkan; Rasyid sering memberitahu bahawa beliau akan keluar dari tahanan. Rasyid sering menjerit-jerit dan memberitahu kepada penghuni-penghuni tahanan yang lain bahawa beliau akan melarikan diri.

Semua penghuni tahanan tidak percaya. Ada juga diantara penghuni tahanan yang mengejek-ngejek Rasyid dan tidak mengendahkan kata-kata Rasyid. Semasa saya dan penghuni-penghuni tahanan yang lain dipindahkan ke Ipoh, barulah kami mendapat tahu daripada akhbar tempatan bahawa R a s y i d

memang berjaya melarikan diri. Maka, gemparlah seluruh penghuni tahanan di Kem Ipoh sejurus berita itu sampai kepengetahuan masing-masing. Semua yang ada tidak percaya dan masih merenung atau memikirkan kehandalan Rasyid melarikan diri dari tahanan.

Akhirnya barulah saya sedar; tujuan sebenar Rasyid menerima jawatan sebagai Draftsmen itu tidak lain dan tidak bukan hanyalah helah untuk mengkaji jalan keluar yang selamat. Demikianlah, pandainya dan tingginya fikiran Rasyid yang lebih dikenali pada hari ini sebagai kominiis. Pegawai British yang mempelawa Rasyid mengisi jawatan itu telah diturunkan pangkatnya.



Ahmed Boestamam

Kita tidak boleh kata PAS tidak berjaya kerana PAS pada waktu itu baru muncul. Kalau dibandingkan dengan pengaruh PAS dan Independent Malayan Party pimpinan Dato Onn maka menanglah PAS lagi.

PAS pada waktu itu bukanlah seperti PAS pada hari ini. Zulkifli Muhamad dan Dr. Burhanuddin belum lagi menyertai PAS pada waktu itu. Dalam kedaan yang begini pun kita lihat PAS masih boleh memenangi satu kerusi daripada Pilihanraya.

PAS pada waktu perengkat pertama dipimpin oleh Haji Ahmad Fuad. Kalau dilihat kepada perkembangan PAS seterusnya terutama pada masa peralihan pimpinan ditangan Zulkifli Muhammad dan Dr. Burhanuddin telah mendapat pengaruh yang meluas. Pengaruh PAS begitu hebat di Kelantan dan Terengganu.

Pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman yang memwakili Perikatan telah menuntut kemerdekaan dan memperolehi kejayaan. Kenapa British begitu mudah melepaskan kemerdekaan bagi Tanah Melayu?

British merasa serba salah pada waktu itu. Mereka akan menanggung risiko sekiranya Tanah Melayu ini diberikan kemerdekaan. Begitu jugalah hal sebaliknya.

Kalau British tidak memberikan kemerdekaan barangkali menurut pandangan mereka Malaya lambat laun akan dirampas oleh komunis dengan kekerasan. Pada waktu ini, sudah tentu harta benda mereka akan dirampas dan dijadikan hak negara.

British memberikan kemerdekaan secara berperengkat. British tidak memberikan kemerdekaan begitu sahaja. Hingga galah sekarang, barulah Malaya diberi kemerdekaan penuh. Walaubagaimanapun otak British masih kekal dikepala pemimpin UMNO sekarang.

Pemimpin UMNO sekarang bersikap British kerana mereka menerima pendidikan British. Mereka dihantar ke England bukan untuk mencedok ilmu yang sebenar-benarnya tetapi diajar oleh British cara hidup orang-orang barat. Sepulangnya mereka ke Tanah Air, kita dapat melihat perubah an sikap mereka.

Kalau mereka bercakap macam orang barat bercakap. Kalau mereka berjalan macam orang barat berjalan. Kalau mereka memimpin macam orang barat memimpin. Ini adalah kenyataan, kerana mereka yang pergi ke England itu saban malam pergi kemajlis parti yang diundang khas oleh 'Duke'-'Duke' mereka.

Dimajlis Parti itulah mereka belajar cakap macam orang putih cakap. duduk macam orang putih duduk dan sebagainya. Apabila mereka diperhatikan oleh penjajah telah layak membawa 'stail' mereka maka dibenarkan memperolehi ijazah dan pulang ke Malaya.

Ramai orang menganggap bahawa Tunku Abdul Rahman Petra adalah Bapa Kemerdekaan Negara. Apa Komen Imam mengenai tanggapan ini?

Kenyataan itu adalah kenyataan yang dibuat oleh orang-orang UMNO. Merekalah yang menganggap Tunku Abdul Rahman sebagai Bapa Kemerdekaan Negara.

Yang dikatakan Bapa Kemerdekaan itu sebenarnya pada tokoh yang benar-benar berjuang. Sukarnoe umpamanya bolehlah dianggap sebagai 'Bapa Kemerdekaan Indonesia'. kerana beliau berjuang bermati-matian dan merintih dari mula atau bertanggungjawab menanamkan semangat kebencian kepada kuasa perjajahan Belanda dikalangan rakyat Indonesia.

Kemerdekaan yang dinikmati oleh rakyat Indonesia hingga hari ini adalah hasil pengorbanan beliau. Kemerdekaan yang mereka kecapai hingga hari ini adalah hasil daripada pengorbanan Sukarnoe yang tidak mengenal batas. Sukarnoe memperjuangkan kemerdekaan Indonesia hingga sanggup menggadai nyawa sendiri. Beliau sanggup merengkok dalam penjara bertahun-tahun. Semuanya ini, adalah pengorbanan yang luhur daripada jiwa kepimpinan Sukarnoe.

Kalaularah ada tokoh di Malaysia yang bergerak seperti Sukarnoe maka layaklah kita memanggil dia 'Bapa Kemerdekaan Negara'. Dato Onn sendiri pun belum layak dipanggil 'Bapa' kerana beliau bekerja sama dengan penjajah. Kita tidak boleh menganggap Tunku Abdul Rahman sebagai 'Bapa Kemerdekaan Negara' kerana beliau berjaya berunding dengan British untuk mencapai kemerdekaan negara.

Memang benarlah beliau berunding tetapi berunding dengan orang yang memang hendak memberikan kemerdekaan tidak ada ertiinya. Yang dikatakan berunding sebenarnya ada syarat tertentu. Tetapi punca sebenarnya, Inggeris memang hendak memberikan kemerdekaan tanpa syarat.

Orang Inggeris memberikan kemerdekaan kerana takut ramai lagi dikalangan mereka mati ditembak oleh komunis. Orang Inggeris tidak pernah memberikan kemerdekaan kepada mana-mana negeri pun didunia ini dengan cara begitu sahaja.

Tunku Abdul Rahman Petra hanyalah ketua Pemerentah bukan pemimpin. Alasan saya ialah pemimpin dalam erti kata yang sebenarnya dihormati oleh masyarakat. Segala nasihat pemimpin itu diikuti oleh rakyat.

Tunku Abdul Rahman tidak layak dipanggil pemimpin kerana beliau tidak dihormati oleh sebahagian besar

masyarakat. Cakap beliau tidak diambil peduli oleh masyarakat. Jadi, macammana kita katakan beliau pemimpin. Tunku hanya Ketua Pemerentah sahaja. Jauh lagi, untuk mengiktiraf beliau sebagai 'Bapa Kemerdekaan Negara'.

Tunku Abdul Rahman dianggap sebagai pemerentah kerana cakapnya itu terpaksa diikuti oleh rakyat atas sebab takut dikenakan hukuman. Tunku Abdul Rahman adalah orang bangsawan yang tidak tahu perit jerih kehidupan rakyat. Tunku Abdul Rahman dilahirkan daripada keluarga yang mewah. Oleh yang demikian tidak hairanlah kenapa beliau tidak berjuang menuntut kemerdekaan sepertimana yang telah dikorbankan oleh rakyat.

Pada pendapat saya, tidak ada sebarang orang pun yang layak diiktiraf sebagai 'Bapa Kemerdekaan Negara' di Tanah Melayu ini. Tunku Abdul Rahman tidak pernah kena penjara seperti Sukarnoe di Indonesia. Tunku tidak pernah berkorban seperti Sukarnoe. Oleh yang demikian beliau tidak layak dipanggil 'Bapa Kemerdekaan Negara'.

Tanah Melayu pada hakikat sejarahnya mencapai kemerdekaan secara dihadiyah oleh penjajah. Pendapat saya ini pernah disuarakan oleh Lee Kuan Yew di Singapura.

BAB IV

PENGORBANAN

Sekarang kita telah tiba pada bab yang menjadi kemuncak perjuangan Imam Abdul Majid Salleh akibat kegiatannya dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya itu. Perjuangan yang disertai oleh anggota-anggota PKMM selama lebih kurang 3 tahun itu nampaknya berakhir dengan tindakan penjajah yang melampau.

Sikap kurang ajar penjajah ini, tidak dapat pembelaan yang sewajarnya daripada orang-orang Melayu apabila anggota-anggota PKMM ditangkap. Sebilangan besar daripada orang-orang Melayu masih 'tidur' apabila melihat dengan mata kepala mereka sendiri terhadap perlakuan penjajah yang kurang sopan.

Penjajah nampaknya menggunakan Tanah Melayu ini, seperti negara ini macam 'bapak' mereka yang punya. Mereka menggunakan sebilangan besar pemimpin Melayu untuk kepentingan mengembangkan sayap Imperialisme. Golongan pemimpin yang digunakan ialah orang-orang UMNO atau sebelumnya PEKEMBAR Raja-raja Melayu dan sebilangan besar cerdik pandai Melayu.

Hanya sebilangan kecil sahaja daripada anggota-anggota PKMM seperti Mat Indera atau Abdullah C.D yang terus berjuang menentang British. Penulis tidak merujuk kepada jenis medan perjuangan yang mereka gunakan; tetapi penulis merujuk kepada istilah 'menentang British'. British, Jepun dan komunis sama sahaja, kerana British itu Imperialisme yang menganut agama Kristian (jelas kekafirannya). Begitu jugalah dengan Jepun. Tentang komunis pula, kita merujuk kepada ideologinya yang tidak bertuhan (jelaslah kekafirannya).

Dalam keadaan dharurat seperti yang dialami oleh Mat Indera atau Abdullah C.D itu, sudah tentu mengalami kebutuan untuk memilih kebenaran Parti yang menjadi medan perjuangan. Apabila Komunis sanggup memberi bantuan senjata atau sebagainya maka ini bermakna semangat bencikan penjahah itu boleh disalurkan melalui PKM. Maka teruslah mereka menentang Regim Ellizabeth di Tanah Melayu. Mungkin mereka berniat murni; Allah ta'alalah yang lebih mengetahui.

'Pengorbanan' sebagai tajuk bab ini dirujuk semula kerana terkandung didalamnya suara anak kecil yang saban hari menangis rindu dan terkenang-kenang belaian seorang ayah. Namun ini lah pergorbanan. Dalam perjuangan, kemanusiaan tanpa disedari jatuh luntur bersama dunia pertarungan. Demikianlah, seperti apa yang terjadi kepada kebanyakan anggota PKMM yang terpaksa meninggalkan isteri dan anak-anak yang masih ingusan kepenjara atau ketahanan. Kesepian sang isteri dan kerinduan: berlalu dalam detik yang hiba....luka dan berpasrahlah mereka kepada Allah jua. Namun siapakah yang bertanggungjawab memisahkan mereka; antara isteri dan suami atau antara ayah dan anak. Siapa? Siapakah yang bertanggung jawab memisahkan mereka selama beritahu-tahun dan ada juga sehingga tujuh tahun. Siapa? dan siapakah yang menjadi dalang peristiwa ini? Ya? mereka yang bertopeng disebalik tirai Partai Kebangsaan Kemelayuan.

Ya! mereka yang bertopeng disebalik tirai Imperialisme. Siapa? lihatlah pada wawancara sebelumnya. Lihatlah dengan fikiran terbuka. Siapa sebenarnya pejuang kemerdekaan negara.

Lihatlah dengan ilmu supaya yang hak itu muncul di atas sementara yang batil itu jatuh ke bawah.

Inilah bahana rentetan peristiwa silam. Apinya masih membahang dan membara. Kerana penjajah; tahan air digadaikan. Kerana maruah; penjajah tertawa berdekah-dekah.

Kita mulakan tirai dalam bab "Pengorbanan" dan kita teruskan wawancara selanjutnya supaya menjadi nadi penyambung darah; Merdeka!

Pada tahun 1948 Dharurat telah diishtiharkan; Imam dan anggota-anggota PKMM telah ditahan oleh British di Kem Tahanan Majidee, Johor Bharu. Apakah peristiwa sebenar yang berlaku?

Sebelum diishtiharkan Dharurat, saya pulang kekampung iaitu di Batu Mesjid, Tapah, Perak. Kepulangan saya dari Johor Bharu itu bukanlah kerana diburu oleh polis penjajah tetapi kerana ingin berikhtiar mengubat sakit anak perempuan saya yang berumur $1\frac{1}{2}$ tahun secara perubatan traditional.

Sebelumnya saya telah berusaha mengubat anak saya dengan Dr. Awang di Kluang, Johor. Anak saya dapat dipulihkan tetapi masih belum sihat sepenuhnya. Anak saya terlibat dalam naħas lemas ketika dia didukung oleh ibunya dan terlepas ditepi sebuah titi kecil. Anak saya telah jatuh dalam parit yang dalam airnya.

Mujurlah sempat saya menyelamatkan anak perempuan saya itu. Dan oleh kerana, kesihatannya masih terganggu maka saya mengambil keputusan untuk berjumpa ayah saya di Perak. Saya rasa barangkali dengan berikhtiar cara perubatan kampung; sakit anak perempuan saya itu dapat disembuhkan sepenuhnya.

Tidak beberapa lama saya di kampung; maka kemudiannya tersebarlah berita tentang dharurat yang berkuatkuasa dan sesiapa pun tidak dibenarkan keluar daripad rumah. Pada masa ini, berlakulah insiden luar biasa yang barangkali menjadi petanda yang dipertunjukkan oleh Allah S.W.T.

Ketika isteri saya sedang memasak nasi dengan menggunakan periuk tanah; tiba-tiba periuk itu terkerat dua sejurus diangkat. Dalam fikiran saya pada waktu itu, memang terlintas perkara tidak baik yang akan berlaku dan memang benarlah bahawa tidak berapa lama selepas itu dua orang polis dari Balai Polis, Kampar telah datang mencari saya dan membawa waran tangkap.

Anak lelaki saya masih kecil berada dalam buaian ketika saya meninggalkan rumah. Anak perempuan saya menangis teresak-esak kerana hendak mengikut saya pergi. Saya kemudiannya di bawa ke Kampar iaitu ke Balai Polis Kampar dan bermalam di dalam lokap menunggu hari esuk.

Keesokan harinya saya telah di bawa oleh dua orang anggota polis ke Stesen Keretapi. Ketika saya berada di situ ayah saya Hj. Mohd. Salleh bin Abdul Samad telah datang untuk bertemu saya.

Allahyarham ayah saya kelihatan merah padam mukanya kerana marahkan tindakan Inggeris menangkap saya. Saya kata kepadanya 'tak usahlah ayah sedih atau risaukan saya.... Nehru pejuang kemerdekaan India pun ditangkap oleh British.... Sukarnoe juga ditangkap....ayah sepatutnya berhati waja dan sedar bahawa anak lelaki ayah ioff berjuang menghalau penjajah.

Ayah saya nampaknya kelihatan resah dan beliau memberitahu rasa simpatinya terhadap nasib anak-anak dan

isteri saya. Keretapi kemudiannya bergerak dan meluncur laju ke Kuala Lumpur. Dari Kuala Lumpur saya di bawa ke Jel Johor Bharu sebelum dimasukkan ke Majidee Kem.

Sesampai sahaja saya di Johor Bharu, saya telah di bawa ke balai Polis penjajah untuk di soal siasat. Ketika saya sedang menaiki anak tangga; saya berselisih dengan seorang pegawai British Plastine. Beliau berbadan tinggi dan bertubuh besar.

Ketika itu, saya ditegur oleh pegawai British itu; katanya, "Awak Majid Salleh ya...banyak pandai....awak lari ya!.... banyak kecil banyak pandai....." Sedang kaki saya melangkah naik saya jawab," saya bukan lari.....".

Saya kemudiannya di bawa oleh pengawal ke sebuah bilik khas. Rupa-rupanya saya dikehendaki berjumpa dengan pegawai tinggi polis penjajah. Beliau orang Melayu. Kalau tak silap namannya pun saya masih ingat lagi. Beliau ialah Sharif

Orang Melayu yang menjadi Pegawai Tinggi Polis Penjajah itu cuba menakut-nakutkan saya ketika saya berdiri dihadapannya. Beliau menghempaskan fail peribadi saya; kemudian dia menengking." Ini kerja awak ia!...macam mana awak kata awak tak salah....hah!". Saya senyum selamba dan kata saya 'itu cerita lama...buat apa ulang-ulangkan lagi...buka lah cerita baru".

Mungkin kerana melihat saya tidak gentar dengan ancamannya beliau kemudian bercakap lembut. Barangkali juga cakap-cakap yang lembut itu kerana saya pucuk pimpinan. Ada juga anggota-anggota PKMM yang lain; ketika disoal jawab diselang selikan dengan siksaan seperti sepak terjang dan sebagainya. Ketika saya bertemu bual dengannya, saya di layan dengan baik malah beliau menjamu saya minum tea dan mempelawa saya merokok.

Saya telah diberitahu oleh Sharif bahawa kehidupan dalam Kem tahanan tidak susah seperti yang dijangkakan. Katanya, kehidupan dalam kem Tahanan sebenarnya membolehkan kita beribadat dan sebagainya. Ketika itu saya tidak menumpukan perhatian kepada ceritanya. Fikiran saya teringatkan anak perempuan saya yang barangkali menangis sepeninggalan saya dari rumah beberapa hari yang lalu. Fikiran saya meracau apabila Sharif menyebut perkataan 'tahanan'. Saya tidak dapat menahan perasaan dan air mata tanpa disedari mengalir turun. Ketika itu Sharif kelihatan sedih juga. Barangkali beliau faham dan mengerti suara jiwa saya.

Kem Majidee belum siap, pada waktu itu. Selepas pertemuan saya dengan Sharif, saya disumbatkan dalam Lokap yang kecil berukuran 15 kaka kali 20. Saya kata kecil kerana dalam bilik lokap tersebut, mereka memuatkan seramai 60 orang, anggota-anggota puak kiri.

Selama 19 hari dan 19 malam saya berada di situ. Dan selama itulah saya dan 59 orang yang lain tidak dibenarkan mandi. Saya tidak dapat berdiri atau berlunjur. Saya juga tidak dapat bangun dari tempat duduk. Sekiranya saya bangun maka tempat duduk itu akan diisi oleh orang lain. Semua yang berada di situ tidak dapat tidur berbaring kerana begitu sempit. Maknanya saya tidur dalam keadaan duduk sahaja. Begitulah keadaan selama 19 hari dan 19 malam.

Pada hari yang ke 20, saya dipindahkan ke Jel Johor Bharu selama enam bulan. Pada masa ini, para tahanan belum begitu ramai lagi. Apabila Kem Tahanan Majidee siap enam bulan berikutnya, saya telah dipindahkan ke Kem Tahanan tersebut. Kem itu berdindingkan atau nipah.

Kem tahanan Majidee, memang selesa kalau dibandingkan dengan peristiwa dalam lokap seperti yang saya

nyatakan tadi. Ramai dikalangan warder atau petugas penjara terdiri dari orang yang saya kenal benar. Oleh yang demikian, mereka banyak menghulurkan bantuan. Pada masa saya menghuni Kem Tahanan Majidee ini; saya telah dilawati oleh bekas penasihat undang-undang Gabungan Kaum Buruh iaitu Ungku Abdullah bin Ungku Omar. Ketika beliau datang, ramailah orang gempar kerana beliau memang berperawakan orang-orang Eropah. Namun demikian, perlu dijelaskan disini bahawa beliau bukan berketurunan Eropah. Kedatangan Ungku Abdullah itu, sebenarnya untuk menghulurkan bantuan sekadar mampunya kepada saya. British tidak menahan Ungku barangkali kerana beliau sepupu Sultan Ibrahim.

Pada akhir tahun 1948 saya telah dipindahkan ke Pulau Sekijang. Di Pulau Sekijang, Singapura memang ramai para tahanan. Sebilangan besar daripada mereka adalah teman seperjuangan saya semasa bergiat dalam PKMM dahulu. Saya banyak menghabiskan masa dengan mengajar teman-teman yang lain cara memimpin mesyuarat, cara bersyarah atau cara menjadi Pengurus dalam upacara umum.

Ramai dikalangan penghuni tahanan memberi sambutan pada kegiatan yang saya jalankan itu. Entah macamamana, pada suatu hari saya telah dipanggil, di suruh siap barang-barang saya untuk berpindah dengan serta merta. Penukaran ini kerana saya telah dituduh mengajar politik kepada penghuni tahanan.

Peristiwa ini terjadi dalam tahun 1949. Saya kemudiannya telah dipindahkan ke Jel Aultram Rd, kemudian Changi, Singapura. Jel Change adalah Jel yang terbesar di Asia. Ketika saya mula memasuki ke Jel tersebut; agak terkejut juga saya kerana Jel itu macam gua. Kebanyakan daripada penghuni di sini adalah penjenayah. Cuma 4 orang sahaja daripada penghuninya yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik.

Oleh kerana, kebanyakan daripada penghuni Jel Changi itu penjenayah; maka selalulah saya melihat hukuman sebat di jalankan.

Keadaan di Jel Changi bukanlah seperti di Kem Tahanan yang pernah saya masuki sebelumnya. Di Jel Changi, saya dikurung dalam bilik yang tidak terang. Lampu neon 20 watt memuramkan bilik hingga jam 5.00 saja. Tidak ada satu benda pun dalam bilik tahanan itu.

Katil ada tapi katil yang tidak berupa katil. Katil saya dalam bilik tersebut memang tidak layak dipanggil katil. Paling-paling katil itu cumal ayak dipanggil lantai sahaja. Cuma lantai itu ditinggikan sahaja daripada paras lantai yang sebenarnya. Semuanya batu keras, sejuk dan saya kira tidak ada makhluk yang sudi tidur di situ.

Di atas lantai yang saya katakan katil itu, ada sebiji bantal yang tidak layak dipanggil bantal. Paling-paling bantal itu cuma layak dipanggil 'batu' dapur tanah sahaja. Tidak ada yang istimewa di situ. Saya tidak dibenarkan keluar, kerana semua kemudahan telah disediakan. Mandi dan membuang hadas kecil di dalam bilik tahanan. Apabila sampai waktu makan; maka kaleng kosong pun di isi dengan makanan yang tidak layak dipanggil makanan. Sebiji pisang yang telah dibuang kulitnya dikira cukup sekadar memuaskan selera penghuni penjara tersebut.

Ketika mula-mula saya dimasukkan ke Jel Changi ini, saya dibawa berjumpa dengan seorang Pegawai British yang mengelolakan penjara tersebut. Masih teringat lagi, kata-kata kesat yang pernah dicemuhnya waktu itu, "You're a trouble maker....heh". Saya tidak mengambil hirau itu semua. Apa yang saya fikirkan ketika berada dalam bilik tahanan itu sebenarnya berkisar kepada masaalah diri sendiri. Persoalannya bolehkah aku bercakap lagi apabila keluar dari penjara ini?.

Bilik tahanan itu, memang sejuk, saya bermalam dengan katil yang sejuk dan bantal yang sejuk. Tiap-tiap hari saya tidak ada kawan untuk diajak berbicara. Dalam bilik saya tidak ada tikus, tidak ada lipas and tidak ada satu makhluk pun yang boleh dijadikan teman. Semuanya kosong, sejuk dan kelam.

Saya benar-benar terasing di situ. Kadang-kadang saya meminta warder majallah-majallah usang. Barang kali pada fikiran saya, inilah caranya untuk membiasakan mulut in ber-suara. Saya membaca kuat-kuat seorang diri di bilik itu. Sekali sekala saya berteriak memanggil jiran di sebelah. Beliau ialah Lew Yik Fan; kominis representative yang petah berpidato.

Saya tidak tahu bilakah saya akan dikeluarkan dari penjara itu. Tetapi, syukur saya kepada tuhan kerana saya cuma menetap selama tiga bulan sahaja. Saya berkeyakinan, sekiranya terjadi musibah kebakaran di Jel Changi, maka tamatlah riwayat hidup saya.

Pada tahun 1950, saya dipindahkan ke Kem Tahanan di Tanjung Keling, Melaka. Di sini suasannya jauh berbeza. Kem tahanan di sini cuma rumah-rumah papan sahaja. Dahulunya penghuni Kem Tahanan di sini selalu bergaduh. Dengar ceritanya seorang sarjan, orang melayu, telah di bawa masuk oleh British.

Oleh kerana, beliau sebelumnya diketahui sebagai talibarut penjajah maka semua pejuang kemerdekaan yang berada di Kem Tahanan tersebut menyimpan dendam. Seorang teman saya iaitu Encik Adam sengaja mencari jalan untuk memulakan pergaduhan. Peluang yang ditunggu-tunggu akhirnya ditakdirkan juga. Ketika itu sarjan tersebut sedang berjalan-jalan di sekitar Kem tersebut. Adam sengaja membaling-baling batu dan pasir ke arahnya. Perbuatan Adam ini, membangkitkan perasaan marahnya. Melihat sahaja tin-

dak balas yang sedemikian rupa. Adam tanpa membuang masa telah menyerangnya. Pejuang-pejuang kemerdekaan yang lain turut serta membela hamba Allah itu hingga akhirnya beliau luka parah. Selepas peristiwa itu beliau di pindahkan ke Block lain.

Ketika saya dipindahkan ke situ, tidak ada sebarang pergaduhan yang berlaku. Ramai dikalangan teman seperjuangan saya berada di situ. Ahmad Boestaman, Pak Sako dan lain-lain semuanya ditahan dalam Kem Tahanan yang sama.

Ketika ini, bermulalah aktiviti-aktiviti kebajikan seperti mengadakan kelas-kelas Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan sebagainya.

Ketika saya berada di Kem Tahanan Tanjung keling ini; Sultan Pahang pernah datang menziarah. Sultan Pahang itu ialah Sultan Abu Bakar ayahanda kepada Sultan Pahang yang ada sekarang ini. Baginda datang untuk bertemu rakyat Pahang dan ketika itu, titahnya 'mana orang beta...mana rakyat Pahang'.

Bukan semua orang Pahang yang mahu berjumpa dengan sultan, ada juga diantara mereka yang buat tak tahu sahaja. Ketika baginda bertemu dengan orang-orangnya; baginda sering bertanya hal keadaan. Antara titah baginda ketika itu, 'Awok ape susoh (bercakap dalam dialek Pahang). Memang ada juga yang terbela nasibnya.

Peristiwa ini berlaku di Kem Tahanan di Ipoh. Seorang teman saya yang berasal dari Pahang sumbing bibirnya. Beliau pernah mengadu kepada pihak kesihatan Kem Tahanan; namun demikian malangnya rayuan untuk merawat sakitnya

itu tidak diendahkan oleh mereka. Tatkala, Sultan Pahang datang bertanya, ape awok susoh, beliau pun menyatakan hal yang berlaku ke atas dirinya. Ekoran daripada itu, pihak penjara dengan serta merta menjalankan titah perentah baginda dan tergesa-gesa menjalankan kewajipan yang telah diabaikan.

Saya tidak dipenjarakan begitu lama ditahanan Tanjung Keling Melaka. Selepas itu dalam beberapa bulan sahaja saya dan anggota-anggota puak kiri yang lain telah ditukarkan ke Kem Tahanan di Ipoh. Semasa saya menjalani tahanan di Ipoh, aktiviti-aktiviti yang berfaedah berjalan lancar.

Ustaz Abdul Bakar Bakir dan Baharuddin Tahir bertungkus lumus mengajar pelajaran tafsir Al Quran, penjelasan mengenai Al Hadith dan serba sedikit mengenai pelajaran tasauif. Begitu jugalah dengan pelajaran-pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Di sini kami dilayan dengan makanan yang tidak layak dipanggil makanan. Seorang kontrektor bangsa cina telah ditugaskan memberi makanan harian kepada penghuni Kem Tahanan. Oleh kerana, makanan yang disediakan tidak memuaskan; maka pada satu ketika saya dan teman-teman yang lain telah melancarkan mogok lapar. Waktu itu kami tidak makan makanan yang disediakan. Yang menjadi ketua makanan ialah Cikgu Shariff Salleh.

Pada tahun 1954, saya telah di hantar ke Morib. Penahanan ini adalah penahanan buat kali terakhir setelah tujuh tahun tidak hidup bebas seperti orang lain. Kem Tahanan di Morib ini sebenarnya lebuh menumpukan kepada kegiatan mempersiapkan diri kearah bekerja sendiri setelah keluar tahanan nanti. Oleh yang demikian nama tahanan ini dikenali sebagai 'Kem Tahanan Pemulihan'. Di sini berbagai aktiviti dijalankan oleh pihak pengelola.

British nampaknya macam serba salah. Tujuan menganjurkan aktiviti seperti yang dilakukan di Kem Tahanan tersebut pada pendapat saya tidak kena pada tempatnya. Namun demikian itulah kenyataan yang berlaku. Penghuni-penghuni kem tahanan telah dilatih membuat kerja-kerja mahir seperti penternakan, pertanian, pertukangan kayu, pertukangan tangan, tukang jahit dan sebagainya.

Dengan hati yang berat kerana saya sendiri tidak berapa minat membuat kerja-kerja tersebut akhirnya mahu tidak mahu terpaksa jugalah saya menghadiri bengkel pertukangan kayu disitu. Kadang-kadang memang saya menonjolkan sikap kurang minat; seperti merosakan pisau pada alat ketam kayu dengan menggeserkannya ke simen. Tindakan ini selalunya saya lakukan sebelum pekerjaan dimulakan.

Apabila Instructor melihat saya tidak begitu minat dalam lapangan ini, akhirnya saya ditukarkan kebahagian lain iaitu bekerja sebagai kerani stor. Tidak lama saya disessi ini akhirnya saya dipindahkan kebahagian 'shellac' dan cat. Pekerjaan ini memang saya suka dan sampailah akhirnya saya telah mendapat tahu bahawa seminggu lagi saya akan dibebaskan.

Saya tidak berasa seronok atau gembira dengan berita itu. Saya juga tidak berasa sedih. Saya rasa dunia ini penuh dengan kekosongan. Ayah saya menghembuskan nafas buat kali terakhir ketika saya dalam tahanan lagi iaitu pada tahun 1949. Beliau sering menyebut nama saya berulangkali sebelum pergi meninggalkan dunia yang fana ini.

Begitu jugalah dengan hubungan antara saya dan isteri. Saya terpaksa berpisah dengannya kerana semasa saya dalam tahanan kehidupannya susah dan menderita. Beban yang paling susah ditanggungnya selain dari menanggung hidup dua orang anak yang masih kecil ialah sentiasa susah hati kerana selalu dikunjungi oleh polis-polis rahsia British.

Mereka selalu bertemu bukal dengannya dan bertanyakan mengenai kegiatan saya sebelumnya. Isteri saya tidak senang dengan hal yang demikian; oleh itu, saya telah mengambil keputusan yang dipersetujui oleh isteri saya juga iaitu berpisah. Isteri saya akhirnya berkahwin dengan orang lain selepas itu.

Apabila sampai masanya yang telah ditentukan oleh Allah; saya pun dibebaskan. Walau bagaimanapun kemana saya harus pergi? Saudaramara tidak menerima saya. Begitu juga laha dengan adik beradik. Mereka takut berbual dengan saya kerana nanti mereka pula diburu oleh Polis rahsia British. Memang ketika saya keluar dari tahanan, pihak British sering memburu saya walau kemana saja saya pergi

Jadi, kemana harus saya pergi. Dalam hati saya memang timbul perasaan yang meronta-ronta untuk bertemu dengan anak-anak yang telah ditinggalkan selama tujuh tahun. Tetapi, saya keraskan juga kaki ini melangkah. Akhirnya saya menggunting rambut di Pekan Senai, Johor. Di Johor saya tidak tahu kemana harus dituju; akhirnya saya ke Kedah pula. Di Kedah saya tidak mendapat ketenangan seperti yang dicari oleh yang demikian, sekali lagi saya berundur ke selatan ia itu ke Negeri Johor. Saya ke Kluang. Di Kluang saya bekerja sebagai tukang gunting di tempat kawan saya. Ilmu menggunting rambut telah saya perolehi waktu berada ditahanan dulu.

Tidak beberapa lama saya di Kluang, akhirnya saya mengambil keputusan untuk ke Singapura pula. Kawan saya telah membekalkan wang belanja yang diperolehi dengan cara 'gadai' barang-barang kemasnya sendiri.

Di Singapura, saya merasa buntu. Tak tahu kemana lagi nak pergi; akhirnya saya membuat keputusan untuk belayar ke Amerika. Tekad yang kuat telah saya tanamkan dalam jiwa ini. Daripada saya dan rakyat serta negara ini dijajah lebih baik saya cuba menjajah negeri orang pula. Niat saya ini walau bagaimanapun tidak sampai keujungnya kerana apabila saya bertemu kawan lama saya iaitu Jamil Sulaiman: beliau melarang saya meneruskan cita-cita saya itu. Jamil membawa saya berjumpa dengan Yaakub Mohamad, bekas Menteri Negara, S'pore suatu masa dahulu.

Yaakub memang ada buka kedai gunting, oleh yang demikian saya pun diterima oleh Yaakub menolongnya menjadi tukang gunting.

BAB V

PEJUANG KEMERDEKAAN

Sekarang sampailah masanya kita mengikuti perkembangan rentetan peristiwa sebenar yang berlaku sebelum tahun 1957 itu. Oleh yang demikian, persoalan untuk mencari pejuang kemerdekaan ini sebenarnya merupakan pentakrifan yang universal sifatnya. Pejuang dalam pentakrifan yang sebenar ialah orang yang diri dalam dunia perjuangan sehingga memperjudikan nasib ketangan Ilahi. Istilah pejuang kemerdekaan dikira bersifat umum kerana dalam angkatan penggempur penjajah pada zaman sebelum merdeka, kita dapatiti wujud beberapa golongan yang berhaluan kiri dan kanan. Ada pihak yang mendakwa bahawa kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 itu sebenarnya hasil daripada 'dasar tolak ansur' yang dilakukan oleh UMNO atau sebelumnya.

PEKEMBAR.

Persetujuan mereka menerima MIC dan MCA menyertai satu barisan yang dikenali sebagai Perikatan nampaknya memang di persetujui oleh British. Ini bermakna bahawa UMNO telah bersetuju terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipersetuju juga oleh Sultan bagi mewakili orang-orang Melayu seluruhnya.

Akibat dasar tolak ansur yang melindungi kepentingan keselamatan terhadap saham-saham terbesar yang dimiliki oleh penjajah itu, maka UMNO telah diberikan keutamaan mencapai kemerdekaan. Oleh itu hatta sehingga hari ini mereka; iaitu orang-orang UMNO telah mempolitikkan sejarah dengan menyatakan bahawa mereka lahirnya Bapa Kemerdekaan dan dari golongan mereka lahirnya Bapa Kemerdekaan Negara.

UMNO mengakui Leftenan Adnan sebagai pejuang kemerdekaan. UMNO mengakui anggota polis yang terkorban dalam peristiwa Bukit Kepong sebagai pejuang yang jujur mempertahankan tanah air seterusnya banyak lagi fakta-fakta sejarah yang dipolitikkan oleh UMNO.

Apabila diteliti kepada puak-puak yang berfaham kiri yakni bagi mereka yang menganggotai PKMM seterusnya API dan AWAS nampaknya lebih merasa yakin bahawa mereka juga termasuk dalam pentakrifan 'pejuang kemerdekaan' kerana kalau mereka tidak menentang secara terang-terangan penjajah sudah pasti tidak menghadiahkan kemerdekaan kepada UMNO.

Kalau tidak ada anasir yang boleh menjahanamkan saham-saham terbesar milik penjajah itu barangkali penjajah akan menajahah Tanah Melayu lebih lama lagi. Demikianlah dakwaan anggota Puak Kiri itu. Begitu jugalah bagi pihak PKMM masih tidak menganggap kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 itu sebagai kemerdekaan yang total seperti mana yang dikehendaki dalam kertas dasar mereka sebelumnya.

Oleh yang demikian kita masih ragu-ragu untuk memutuskan siapa yang lebih berhak digolongkan sebagai pejuang kemerdekaan yang sebenarnya. Adakah PKMM dibawah pimpinan Dr. Burhanuddin atau UMNO yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Petra.

Untuk menjawab persoalan ini khususnya sebagai melengkapkan kandungan buku yang berjudul 'JENAYAH POLITIK KEMERDEKAAN maka penulis meneruskan wawancara ini dan merujuk kepada solan-soalan yang berikutnya.

Siapakah yang layak digelar ‘Bapak Pejuang Kemerdekaan menurut pandangan Imam?’

Kalau soalan ini diajukan kepada saya, maka jawapannya pastilah Dr. Burhanuddin Al Helmy. Beliau mempunyai peribadi seorang pemimpin yang layak menduduki taraf sebagai ‘Bapak’. Dari segi Ilmu; Dr. Burhanuddin memang memiliki pengetahuan yang luas.

Beliau menguasai lima bahasa iaitu bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, bahasa Urdhu dan Bahasa Belanda. Pengetahuan Dr. Burhanuddin terhadap tiap-tiap bahasa itu bukanlah sekadar ikut sahaja. Umpamanya beliau sendiri, boleh bercakap Arab dialek Lebanon; sehingga orang Arab sendiri pernah mengakui kemahiran Dr. menggunakan bahasa tersebut. Begitu jugalah dalam Bahasa Inggeris, Urdhu, Belanda dan bahasa Perancis.

Selain daripada itu Dr. Burhanuddin adalah Ulamak. Beliau adalah Ulamak 'Amilin. Maknanya bukanlah ulamak yang sekadar tahu hukum itu dan hukum ini sahaja malah beliau sendiri mengamalkan yang disuruh dan tidak membuat perkara-perkara lain yang ditegah oleh Allah S.W.T.

Segala-galanya ini dapat diperhatikan daripada perwatakan beliau dan cara beliau bercakap. Dari segi ucapan-ucapan yang pernah didengar oleh pejuang-pejuang kemerdekaan yang lain; Dr. Burhanuddin tidak pernah menggunakan bahasa yang menyakitkan hati orang. Beliau tidak pernah memintas cakap sesiapa pun. Beliau tidak pernah menggunakan isi ucapan yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat.

Sepanjang ingatan saya, kerana selalu juga bergaul dengan beliau; saya tidak pernah dengar beliau kata orang itu

salah atau orang ini tidak betul. Yang selalu saya dengar ialah pengakuan daripada Dr. Burhanuddin sendiri; menurutnya dia lah yang selalu membuat kesilapan itu dan ini. Bagi Dr. Burhanuddin orang lain semuanya betul belaka sedangkan dirinya banyak kelemahan peribadi. Oleh kerana sikap yang begini, maka tidak hairanlah kenapa orang tidak marah kepadanya. Kalau Dr. Burhanuddin bersyarah, isi ucapannya selalu berkisar mengenai menanamkan kesedaran untuk berjuang dan beliau berjaya menarik minat orang ramai seterusnya memberangsangkan dan menyedarkan mereka.

Sebagai seorang pemimpin Dr. Burhanuddin boleh dikatakan bersikap menangis dahulu dan rakyat pula menangis kemudian. Beliau tidak rela ketawa dahulu kerana tidak mahu melihat rakyat menangis kemudian. Begitulah juga sebaliknya beliau tidak mahu ketawa dahulu dak rakyat ketawa kemudian. Bukitnya, dalam pergaulan beliau dikalangan anggota, tidak pernah beliau mengadu sebarang kesusahan atau meminta tolong. Beliau tidak pernah mengatakan bahawa beliau lapar, haus dan sebagainya. Beliau selain daripada itu, tidak meninggalkan sembahyang. Walau dimana jua berada fardhu sembahyang tetap akan ditunaikan. Kalau tidak ada sejадah yang baik beliau akan menggunakan kertas surat khabar sahaja untuk dijadikan sejадah.

Sambutan yang diberikan oleh rakyat terhadap perjuangan PKMM rata-rata daripada kejayaan pimpinan Dr. Burhanuddin. Oleh yang demikian, beliau secara tidak langsung meletakan dirinya sebagai 'Bapak Pejuang Kemerdekaan' walaupun sanggup menderita hingga mati takdir air mata ketika menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia perjuangan.

Sepanjang malam saya pernah melihat beliau menangis ketika berdoa dalam sembahyang tahjud. Jadi, saya berpen-

dapat layaklah beliau digelar Bapak kerana mempunyai peribadi yang sedemikian rupa. Tidak ada orang lain yang pernah saya jumpa seperti Dr. Burhanuddin. Samada dari segi corak kepimpinannya mahupun dari segi peribadinya. Beliau bolehlah dianggap sebagai 'Bapak Pejuang Kemerdekaan'



Abdul Majid Saleh Bersama Anggota Parti Rakyat.

BAB VI

I'KTIBAR

Semoga segala rentetan peristiwa silam yang telah diperbincangkan sebelumnya dapat dijadikan I'kitbar untuk dijadikan garis panduan perjuangan seterusnya.

Perjuangan tidak pernah berakhir selagi nyawa dikandung badan. Perjuangan sentiasa memburu kita. Kita tidak dapat melaikkan diri dari tidak berjuang. Manusia yang tidak berjuang adalah manusia yang tidak bertemaduan. Masyarakat yang berjuang adalah masyarakat yang menuju kejayaan.

Istilah perjuangan mengandungi pengertian yang luas. Untuk membicarkan soal perjuangan tersebut maka penulis akan meneruskan wawancara ini dengan Imam Abdul Majid Salleh. Dan beliau akan mengupaskan dengan panjang lebar mengenai perjuangan yang hakiki, perjuangan yang sebenarnya dan perjuangan yang menuju kepada kemenangan.

Perjuangan mencari rezki sehingga meruntuhkan nilai-nilai kemanusiaan seperti menindas dan menipu atau rasuah adalah perjuangan yang sia-sia. Demikian antara petikan kata-kata Imam Abdul Majid dalam pertemuan sebelum melanjutkan wawancara ini.

Untuk meneruskan wawancara seterusnya maka saya ajukan soalan berikut, mudah-mudahan mendapat manfaat kita bersama.

Merujuk kepada rentetan peristiwa silam yang sudah dialami oleh Imam, rasanya adalah wajar Imam memberikan nasihat kepada pejuang-pejuang Islam yang masih muda untuk

dijadikan i'ktibar buat pedoman dihari muka. Saya persilakan buat memberikan penjelasan selanjutnya.

Perjuangan sebenarnya tidak pernah selesai. Walaupun PKMM telah dibubarkan sekaian lama namun perjuangan hidup, masih diteruskan oleh sesiapa jua. Perjuangan yang hakiki adalah perjuangan melawan nafsu. Umpamanya melawan anasir-anasir buruk yang wujud dalam diri seperti dendki, irihati, tamak dan sebagainya.

Dalam arean politik lebuh-lebuh lagi dalam PAS sendiri masalah yang paling bahaya sekali ialah masalah irihati terhadap rakan seperjuangan yang menduduki tempat sebagai pucuk pimpinan. Syukurlah kerana masalah ini tidak wujud dalam PAS sekarang ini.

Namun demikian anggota-anggota PAS hendaklah sentiasa berwaspada bahawa selagi ada dunia maka adalah penentang. Kenyataan di atas sesuai dengan firman Allah Taala yang bermaksud, "...dan sesungguhnya kebanyakan manusia benci kepada kebenaran". Merujuk kepada firman Allah ini maka sudah menjadi lumrah bahawa bagi pejuang-pejuang yang ingin menyampaikan kebenaran pasti akan menghadapi penentang dalam berbagai bentuk daripada musuh-musuh yang menjadi pendokong kemungkaran.

Ahli-ahli PAS terutama generasi muda hendaklah membuang sikap memandang rendah terhadap orang-orang tua. Pemimpin yang terdiri daripada orang-orang yang sudah lanjut usianya hendaklah dihormati sekiranya beliau masih bercakap dan berdiri dengan kebenaran. Perasaan memandang rendah kerana mereka tidak berpelajaran tinggi itu tidak harus dijadikan kayu ukur untuk memilih pucuk pimpinan.

Walau bagaimanapun saya percaya bahawa pengalaman akan mengajar pemuda-pemuda Islam yang menjadi pendokong Islam pada hari ini untuk meningkatkan kesedaran. Pengalaman yang menyakitkan, pengalaman suka dan duka yang dialami oleh mereka sendiri dalam pentas kehidupan ini pasti akan memberikan teladan untuk dijadikan iktibar dihari muka.

Justera itu, saya rasa ada baiknya sekiranya orang-orang muda dalam PAS memikirkan bahawa pengalaman orang-orang tua bernilai tinggi dan boleh digunakan untuk memimpin organisasi. Tanggapan bahawa pengalaman orang-orang tua tidak ada harga hendaklah dibuang jauh-jauh. Jangan pula ada dikalangan pemuda PAS yang mengganggap bahawa syarat untuk memilik pucuk pimpinan itu hendaklah dikalangan orang-orang yang berpelajaran tinggi sahaja. Berpelajaran tinggi tidak bermakna orang itu boleh memimpin dengan sempurna. Barangkali orang-orang berpengalaman melebihi mereka dari satu segi yang lain.

Umpamanya, orang-orang yang berpelajaran tinggi itu cuma belajar dari satu aspek sahaja di Universiti bukan belajar dan memperolehi ilmu secara menyeluruh. Ilmu yang dituntut hanya khusus kepada satu bidang sahaja tidak lebih dari itu. Pengukuran terhadap memilih pucuk pimpinan seharusnya dilihat pada konsep 'buat apa yang boleh kita buat dan bukan buat apa yang kita tidak boleh buat'. Dalam hal bercakap atau mengeluarkan pandangan samada pada perengkat mesyuarat misalnya atau dalam siri ucapan um pamanya; kata-kata yang dikeluarkan hendaklah hati-hati supaya tidak melanggar konsep 'cakap tak serba bikin'.

Kita tidak boleh buat tapi kita kata kita boleh buat. Kita hendaklah bersikap jujur dalam menjalankan atau meneruskan perjuangan. Kita hendaklah sedar bahawa pengetahuan tinggi yang diperolehi secara akademik itu boleh di cari dimana-mana

Institusi Pengajian Tinggi tetapi pengalaman tidak dapat kita jumpa digedung-gedung ilmu.

Kita hendaklah membuat rumusan bahawa perjuangan Islam yang kita usahakan itu sebenarnya bukanlah untuk menang tetapi untuk memenuhi kehendak Allah sahaja. Tidak lebih dari itu. Kita berjuang bukan untuk mengejar pangkat atau mencari nama tetapi kita berjuang hanya sekadar untuk memenuhi kewajipan kita kepada perantah Allah S.W.T.

Kita hendaklah berusaha sedaya mungkin untuk menegakkan hukum Allah ta'ala dimuka bumi ini. Kemenangan yang abadi adalah kemenangan yang berada disisi Allah jua. Perjuangan PKMM umpamanya dulu, hanya dianggotai oleh sebilangan rakyat sahaja tetapi kesannya satu Malaya gempar dan goncang dengan kebangkitan segelintir masyarakat. Pada hari ini, PAS mendapat pengaruh yang meluas dikalangan masyarakat tetapi suasana di Malaysia seperti biasa sahaja. Mungkin kita tidak berjaya pada hari ini, tetapi apa yang kita buat pada masa sebelum merdeka itu sebenarnya merupakan semaihan benih dan tidaklah salah sekarang ini benih-benih itu telah mula berbunga dikalangan generasi muda dan insyaallah tidak lama lagi kita akan merasa nikmatnya yakni buahnya.

Pada zaman ini manusia begitu sukar untuk menerima kalimah tayibah 'lailahaillallah; Muhammadurasullullah'. Kalau kita menerangkan halimah itu kepada masyarakat umum melalui 'programme programme dikalangan masyarakat sahaja rasanya belum boleh dikatakan memadai. Oleh yang demikian kita mahu membawa kalimah syahadah itu ke Parlimen supaya kita dapat menelurkan faham Islam itu dikalangan pemimpin dan kemudianya dari kesedaran pemimpin ini akan terbentuklah kesedaran dikalangan masyarakat seluruhnya.

Ini adalah tanggungjawab kita. Ini adalah tugas kita sebagai umat Islam. Saya masih ingat pada tahun 1947, Engku

Abdullah pernah memarahkan adiknya kerana menyertai UMNO. Katanya, Kamu kafir Mat kalau kamu masuk UMNO". (Ungku Abdullah bin Ungku Omar adalah saudara sepupu kepada Almarhum Sultan Ibrahim). Peristiwa ini adalah peristiwa yang berlaku pada tahun 1947 bukan tahun 1985 ataupun 1984. Saya terkejut apabila Ungku Abdullah yang merupakan penasihat undang-undang Kesatuan Kaum Buruh Johor Bharu berkata demikian. Kalau dilihat pada waktu itu belum ada lagi peristiwa kafir mengkafir seperti mana yang digembar gemburkan oleh UMNO pada hari ini. Pada masa itu pun telah terkeluar isi percakapan yang demikian rupa dan berlaku kerana ada manusia yang atau menyertai puak-puak UMNO.

Kepada generasi baru, saya ingatkan bahawa kita jangan jadi manusia yang pura-pura. Kita tidak pandai kita kata kita pandai. Kita tidak tahu Islam kita kata kita tahu Islam; tetapi sebenarnya kita berpura-pura. Kita tidak boleh buat tapi kita kata kita boleh buat. Sikap ini adalah sikap orang Munafik. Kita harus ingat bahawa dalam masyarakat manusia ada binatang tetapi dalam masyarakat binatang tidak ada manusia.

Firman Allah ta'ala dalam Quran yang bermaksud.....Dan kalau engkau turutkan kebanyakan manusia di Muka Bumi ini tentulah mereka menyesatkan engkau dari jalan tuhan; mereka hanya menurutkan persangkaan belaka dan mereka hanya membuat kebohongan semata-mata (Al Ana'am: 116)



Pekerja-pekerja kilang tekstil di Butterworth. Apakah masa depan mereka terjamin?

BAB VII

RUMUSAN PENULIS

Tatkala masyarakat sedang sibuk bertungkus lumus mengarahkan haluan hidup mengisi kemerdekaan negara pada tahun-tahun selepas kemerdekaan; Berita harian bertarikh Selasa 20 Syawal 1405 (Julai 1985) telah memuatkan rencana bertajuk 'Kembalilah ke Pangkuhan masyarakat hasil tulisan Amat Mat Top.

Rencana tersebut telah memaparkan kenyataan Musa Ahmad bekas Pengurus Parti Komunis Malaya buat kali kedua setelah Pengakuan Insaf buat kali pertamanya (suatu masa dahulu ketika beliau pulang dari Negeri Cina) pernah dipaparkan secara langsung oleh T.V. Malaysia dan akhbar-akhbar tempatan.

Rencana yang dimuatkan hampir menuhi ruang akhbar Berita Harian dan dengan tersiarinya kenyataan Musa Ahmad itu maka terjawablah rumusan lanjut siri wawancara ini.

Musa Ahmad dalam petikan tulis Amat Mat Top itu berkata, "Saya sendiri pernah menikmati banyak kemudahan, malah lebih dari itu (yang diperolehi oleh Abdullah C.D dan Rasyid Maidin) dan saya harap mereka pulanglah ke pangkuhan Masyarakat kerana matlamat perjuangan PKMM telah lama tercapai".

Musa Ahmad seterusnya menyatakan, "Perjuangan kami dalam PKMM dulu ialah untuk mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara daripada penjajah Inggeris dan Jepun dan tidak lebih dari itu.

Apabila Musa Ahmad kata, "...matlamat perjuangan PKMM telah lama tercapai...." dan kata-kata ini ditujukan khusus kepada Abdullah C.D dan Rasyid Maidin, maka ini bermakna perjuangan Abdullah C.D atau Rasyid Maidin sejak dahulu hingga kehari ini bukanlah berdasarkan kepada 'isme' kominis tetapi jelaslah merujuk kepada 'isme' nasionalis.

Faham nasionalis itu dirujuk kepada kegiatan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Dan menurut Musa lagi "...Perjuangan kami dalam PKMM dulu ialah untuk mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara daripada penjajah Inggeris dan Jepun dan tidak lebih dari itu".

Perkataan 'tidak lebih dari itu', mengukuhkan pendapat penulis bahawa mereka (Rasyid Maidin, Abdullah C.D, Musa Ahmad, Shamsiah Fakeh mahupun Mat Indera) bukanlah kominis. Perkataan 'tidak lebih dari itu' merujuk kepada aliran atau 'isme' mereka adalah 'nasionalis'.....'tidak lebih dari itu...' 'dirujuk kepada perjuangan sebenar iaitu untuk'....'mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara...'.

Dalam kenyataan yang dibuat oleh Musa Ahmad tersebut menekankan dasar perjuangan yang membunga dihati mereka iaitu untuk mengembalikan maruah yang telah dicabul oleh penjajah Jepun dan Inggeris. Ini terbukit dengan katanya, "....untuk mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara daripada penjajah Inggeris dan Jepun dan tidak lebih dari itu".

Dalam rencana tersebut, Musa Ahmad cuba memujuk Rasyid Maidin dan Abdullah C.D. supaya kembali kepangkuhan masyarakat kerana 'matlamat perjuangan PKMM telah lama tercapai'

Penulis terkeliru dengan kenyataan Musa Ahmad kerana beliau berkata, "Rasyid Maidin dan Abdullah C.D harus kembali ke pangkuhan masyarakat kerana matlamat perjuangan PKMM telah lama tercapai". Kita terfikir, kalau alih perjuangan Abdullah C.D. dan Rasyid Maidin itu sebagai perjuangan komunis maka sepatutnya Musa Ahmad berkata begini" Rasyid Maidin dan Abdullah C.D harus kembali kepangkuhan masyarakat kerana matlamat perjuangan PKM (Bukan PKMM) adalah sia-sia dan sebagainya".

Kenyataan yang tidak terduga itu keluar sendiri dari lidah Musah Ahmad. Pada pendapat penulis, kenyataan Musa Ahmad itu adalah kenyataan jujur dan secara tidak langsung mengakui fakta-fakta sejarah yang ditulis di dalam buku ini Persoalan kedua yang timbul di sini ialah: apabila Musa Ahmad kata "...Perjuangan kami dalam PKMM dulu untuk mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara daripada penjajah Inggeris dan Jepun dan tidak lebih dari itu", maka ini bermakna UMNO tidak termasuk dalam golongan parti yang mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara pada waktunya itu.

Walau bagaimana pun penulis sekali lagi merujuk kepada perkataan mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara. Mula-mula kita melihat kepada perkataan 'maruah bangsa'. Musa Ahmad kata matlamat perjuangan PKMM telah lama tercapai kerana maruah bangsa, agama dan negara menurutnya telah lama tercapai. Kalau kita selak tirai sejarah, kita lihat bahawa maruah bangsa (disini Melayu) tidak bercapai apabila Syarat kerakyatan 'Jus Soli' dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 begitu longgar. UMNO bersetuju terhadap syarat ini sementara PKMM menentang.

Oleh kerana British tidak mahu anggota-anggota PKMM menentang maka satu siri penangkapan telah dijalankan di Tanah Melayu. Untuk memudahkan penangkapan tersebut British telah mengishtiharkan Dharurat pada tahun 1948.

Akhirnya semua anggota PKMM ditangkap; Wak Rano yang tidak giat dalam politik PKMM juga ditangkap (lihat wawancara sebelumnya).

Oleh yang demikian perjuangan PKMM tersadai begitu saja. Matlamat untuk mengembalikan maruah bangsa seperti yang dinyatakan oleh Musa Ahmad hanya berakhir apabila anggota-anggota PKMM ditangkap selama lebih kurang tujuh tahun. Cita-cita untuk mencapai kemerdekaan total menurut Abdul Majid Salleh dalam wawancara sebelumnya adalah tidak berhasil. Oleh itu, kenyataan Musa Ahmad dalam Berita Harian tersebut adalah dinafikan dan tidak benar.

Perjuangan PKMM tidak tercapai malah tersangkul di tengah jalan. Abdullah C.D dan Rasvid Maidin terus berjuang dari dalam hutan kerana menjalankan dasar tidak mahu menjadi Pak Turut seperti yang dilakukan oleh UMNO.

Penulis merujuk kepada kenyataan Musa Ahmad sekali lagi apabila beliau berkata, "Biar saya tegaskan di sini bahawa ketika itu saya sungguh membenci penjajah Inggeris dan Jepun dan begitu juga dengan kegiatan MPAJA yang telah membunuh anak saudara saya".

Kata Musa Ahmad lagi, "Selepas Jepun menyerah kalah, Inggeris berkuasa semula dan bagi saya, Malayan Union yang menjadi Idaman Inggeris itu akan menenggelamkan maruah bangsa Melayu".

Pada kesimpulannya, penvertaan Musa Ahmad dalam pergerakan Komunis Malaya bukanlah kerana suka kepada 'isme'nya tetapi kerana anak saudaranya telah terbunuh dan sebab lain kerana beliau tidak bersetuju dasar 'Malayan Union' yang akan menenggelamkan maruah bangsa Melayu.

Penulis merumuskan bahawa PKMM adalah parti yang wajar di agung-agungkan kerana mereka tidak bersikap tolak ansur dengan penjajah. PKMM seperti yang digerakkan oleh

kumpulan Dr. Burhanuddin itu memilih jalan susah dulu dan senang kemudian sementara UMNO dibawah pimpinan Tunku Abdul Rahman memilih jalan "senang dulu dan susah kemudian".

Akibatnya, orang-orang Melayu hingga kini rata-rata menumpang di Tanah air sendiri. Penulis menarik kesimpulan bahawa bekerjasama dengan orang-orang kafir dalam satu barisan samada ia dikenali sebagai 'komponen' atau barisan adalah perbuatan yang sia-sia dan akan terus membawa masyarakat Islam kearah kehancuran. di masa akan datang.



Abdul Majid Salleh Berpakaian Puteh; Pakaian Seragam PKMM.

BAB VIII

PENUTUP KATA

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita telah dapat meneliti dan mengkaji segala rentetan sejarah yang berlaku sepermulaan yang telah disuratkan dalam bab-bab yang lalu. Oleh yang demikian, maka sebagai menutup siri wawancara ini, penulis buat sekian kalinya meminta Imam Abdul Majid Salleh untuk menjawab soalan berikutnya bagi menutup (tirai) buku yang berjedul 'JENAYAH POLITIK KEMERDEKAAN'.

Apakah perasaan Imam ketika berjuang, semasa dalam tahanan dan pada hari ini?

Rata-rata kami berjuang pada waktu itu dengan penuh perasaan bencikan penjajah. Perasaan bencikan penjajah itu ditambah lagi dengan sokongan moral daripada Indonesia yang mengalami penindasan Belanda, membunuh rakyatnya secara membabi buta menembak dengan meriam dari kapal mereka.

Ada di antara wanita Indonesia yang sedang menumbuk padi; turut terkorban sehingga tubuhnya menjadi mayat dan melekat dilesung padi tersebut. Inilah kekejaman Belanda. Westerling sebagai contoh salah seorang Belanda menjadi manusia ganas kerana membunuh secara membabi buta.

Pejuang-pejuang di Tanah Melayu ketika itu melihat kegagahan Bung Tomo mempertahankan nyawa rakyat Indonesia yang tidak berdosa itu.

Orang-orang PKMM tidak pernah memikirkan siapakah yang layak jadi menteri, tetapi dimasa itu susunan pertadbiran British yang bergelar 'house of Lord' (Dewan Negara) dan

'ouse of Common' (Dewan Rakyat telah menimbulkan kesedaran dan difahami secara menyeluruh oleh anggota-anggota PKMM.

Soal menghadapi perjuangan tidak pernah luntur dan anggota-anggota PKMM tidak pernah memikirkan kekayaan atau kebendaan. Semua anggota antara satu sama lain merasa benar-benar seperti saudara dan saling mengerti.

Rata-rata rakan seperjuangan adalah terdiri dari pada ang-orang yang menderita belaka. Biasanya derma untuk menghadhiri Kongress pusat jarang diadakan. Ini bererti siapa yang terpilih terpaksa berusaha sedaya upaya.

Tentangan daripada orang-orang Melayu lebuh dahsyat pada masa itu kerana orang-orang Melayu kebanyakannya tidak sepadai orang-orang Melayu sekarang. Kalau orang Melayu yang bersekolah hingga darjah lima maka ini berakna orang itu adalah orang yang pandai dikalangan orang-orang kampung, kecuali pegawai-pegawai kerajaan.

Masa itu orang memandang Inggeris sama sahaja seperti orang-orang Melayu memandang Inggeris pada zaman sebelum kemerdekaan. Kesedaran untuk memenuhi kemerdekaan rata-rata bermula dari kebanyakan pemuda dan hanya sedikit sahaja dikalangan orang-orang tua yang memberikan sokongan.

Orang-orang PKMM ke mana saja pergi, diikuti, oleh mata-mata gelap: jadi pemuda-pemuda yang berjiwa kecil tak berani menempuh dugaan ini. Pengalaman saya masa itu, orang yang selalu saya temui tiap-tiap hari ialah; Pegawai Labour Exchange (orang British), OCPD, State Engineer, dan manager-manager Estate. Pernah satu ketika saya diperlukan Inggeris selama berjam-jam dalam satu hal. Mereka menyatakan saya 'bilakah tarikh hari Kemerdekaan'. Kemudian saya

tanya balik, 'Kenapa pula tanya begitu'. Pegawai British tersebut berpura-pura sambil menggaru kepada dan berkata, 'Saya lupa'.

Ketika saya menghadiri mesyuarat di Ayer Itam: Green Bust telah melancarkan mogok. Inggeris kemudiannya membawa empat pucuk meriam. Meriam pertama dihalakan ke Batu Pahat, meriam kedua di halakan ke Kluang. Meriam ketiga pula di halakan ke Yong Peng sementara meriam ke empat pula di halakan ke Johor Bharu.

Ketika saya bermesyuarat di Chaah, Labis; tentera British membawa meriam juga. Walau bagaimana pun, tindakan British ini, sebenarnya untuk menakut-nakutkan sahaja. Kita hanya ketawa saja melihat telatah British tersebut.

Walaupun begitu sengitnya atau seriousnya, kami terima segala tentang secara biasa saja. Walaupun kami tahu ekoran daripada perjuangan itu, akan membawa kami ke lokap dan kami sedar bukan untuk di bawa ke Parlimen seperti hari ini.

Menyentuh mengenai tahanan, tiap-tiap orang tahanan seperti biasa, tidak ada apa-apa perubahan. Ada setengahnya yang ditahan akibat tuduhan sakit hati dan orang ini bertambah marah. Buat diri saya biasa sahaja.

Saya berkata demikian kerana saya rasa aktiviti yang saya buat itu memang wajar di tahan dan memang sepatutnya British marahkan saya. Ini adalah kerana kita memang telah membuktikan bahawa kedudukan mereka yakni Inggeri telah tergugat terutamanya manager-manager Estate dan ladang. Di masa itu, kalaular pendekkata, saya suruh 500 orang pekerja Estate mogok; maka mereka akan mogok dan begitulah keadan yang telah berlaku. Saya meninggalkan anak yang ke (2 tahun seorang dan 3 bulan seorang). Semada dalam tahanan

a begitu sensitif melihat anak-anak yang sebaya dengan
ak saya lebuh-lebuh lagi apabila mendengar bunyi anak-anak
nangis. Sehingga hari ini, perjuangan saya diteruskan untuk
ngelakkan supaya jangan anak cucu saya ditindas.

Dari segi kebendaan; saya memang susah ketika berada
am tahanan kerana tidak ada bantuan dari luar. Rakan-
an tahanan dari bangsa Cina sekalipun memberikan per-
ongan yang secukupnya buat keperluan saya. Saya memang
utang budi kepada guru-guru Inggeris saya iaitu ketika
ajar dalam tahanan seperti Sako, Othman Bulon, Ali
ahim, Nazer Nong dan Karim Bakar yang telah mengajar
nasia Inggeris. Diantara rakan yang turut belajar sekali ialah
man Abadi, Abu Samah Sharif (sekarang developer) Mohd.
b. Paimin dan ramai lagi.

Pada saya pelajaran Bahasa Inggeris yang diajar oleh Sako
telah memberikan pertolongan yang besar kepada
idupan saya pada hari ini.

Setelah saya dibebaskan saya telah menjelajah ke selatan
ke utara hingga ke pantai Timur untuk mencari
hidupan baru' Begitu juga, untuk mencari teman hidup.
pi semuanya gagal. Saya tak tahu apalah rahsia Allah yang
ingga kini mentakdirkan saya menetap di Kampung Sengat,
gai Raya Perak, berkahwin di sini dan semuanya seperti
ng berlaku tidak pernah wujud dalam peta ingatan saya
belumnya. Saya rasa keadaan saya cukup tenteram dan
asa bangga setelah berada dalam negara merdeka. Impian
i dalam masa perjuangan dahulu akhirnya wujud pada
a ini, iaitu dapat melihat ramai dikalangan orang-orang
ayu telah mendapat pendidikan tinggi. Saya sendiri tidak
punyai tanah walau seinci atau rumah walau sebatang pun
anak-anak saya tidak seorang pun yang sampai ke Menara

Gading tetapi saya bersyukur kepada tuhan bahawa mungkin saya terlepas daripada kutukan anak cucu saya yang mana mereka itu menghirup udara merdeka bukanlah hasil daripada tenaga orang lain. Sekurang-kurangnya saya merasa bahawa saya juga salah seorang daripada beribu-ribu orang yang telah menanam saham untuk mendapatkan kemerdekaan.